

MENERAJUI KECEMERLANGAN

# INFO

BIL. 1/2019 ISSN 0127-1023



## EKSKLUSIF

PENJENAMAAN SEMULA  
IKM PERKASA GERAKAN  
KOPERASI NEGARA

## FOKUS

SEKTOR PERLADANGAN  
DAN INDUSTRI ASAS TANI  
BERIMPAK TINGGI MEMACU  
PENINGKATAN PENDAPATAN

## COFFEE TALK

KOPERASI  
SEJAHTERA:  
CIPTA NILAI JANA  
KEKAYAAN



[www.ikkm.edu.my](http://www.ikkm.edu.my)

# Sidang Editor

## Penasihat

YBhg. Tn. Hj. Ariffin Mamat  
Ketua Pengarah

## Ketua Editor

Pn. Normila Ismail  
Unit Komunikasi Korporat

## Editor

Cik Nasuha Nezuakifli  
Sektor Hartanah (Perumahan) & Industri Pembinaan (SHIP)

En. Muhammad Shafiq Mohd Noor  
Sektor Perladangan & Asas Tani (SPAT)

Pn. Norhayati Abd. Rahman  
Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri & Kesihatan (SPPDK)

Pn. Noor Shafeeza Zainuddin  
Sektor Pemborongan & Peruncitan (SPP)

En. Muhammad Afnan Hasim  
Pusat Pengurusan Perniagaan (PPP)

Pn. Julizah Sabstu  
Pusat Kewangan & Akaun (PKA)

En. Mohd Haniff Hashim  
Pusat Pembangunan Komuniti (PPK)

Pn. Nur Syazwani Zainul Abidin  
Pusat Antarabangsa & Kolaborasi (CIC)

Pn. Norul Hayatie Hashim  
Pusat Penyelidikan & Konsultasi (RC)

Pn. Nor Azlina Kassim  
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT)

Pn. Norawati Ngatmin  
Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah

Pn. Syarifah Rohaya Wan Idris  
Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak

Pn. Yusnita Othman  
Institut Koperasi Malaysia Zon Utara

En. Mohd Hafizal Abu Bakar  
Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan

Pn. Malesa Shela Ta'yib  
Institut Koperasi Malaysia Zon Timur

Pn. Rohalinda Ahad  
Institut Koperasi Malaysia Zon Tengah

## Penyelaras

Cik Zaharatul Laili Zakaria  
Pn. Sharepah Nur Azirah Shareh Abd Rahman

## Reka Bentuk dan Cetakan

Reka Cetak Sdn. Bhd.  
[www.rekacetak.com](http://www.rekacetak.com)

# Dari Meja Ketua Editor

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, pujian bagi Allah atas segala nikmat dan limpah kurnia-Nya, Majalah INFO dapat diterbitkan sekali lagi bagi tahun 2019. Pertengahan tahun ini menyaksikan satu transformasi besar buat seluruh warga kerja IKM melalui penjenamaan semula Maktab Koperasi Malaysia (MKM) ke Institut Koperasi Malaysia (IKM). Syabas dan tahniah diucapkan atas komitmen dan sokongan yang diberikan oleh warga kerja IKM dalam menjayakan hasrat IKM untuk menjadi satu-satunya institusi pendidikan dan bimbingan koperasi terulung setaraf antarabangsa. Selaras dengan visi IKM yang baharu untuk menjadi pusat kecemerlangan pembangunan modal insan dan keusahawanan koperasi yang dinamik sejajar aspirasi negara, IKM terus optimis dalam melakar kecemerlangan melalui pelbagai program yang ditawarkan demi memastikan gerakan koperasi dan keusahawanan negara sentiasa progresif dan berdaya saing.

Majlis pelancaran Institut Koperasi Malaysia yang telah diadakan pada 16 Mei 2019 yang lalu telah mencipta sejarah baharu buat seluruh gerakan koperasi tanah air dan juga warga kerja IKM khususnya. Buat julung kalinya majlis ini telah diadakan di Auditorium Dato'Abd. Majid, IKM dengan kehadiran lebih 350 orang tetamu jemputan. Rentetan itu, majalah INFO kali ini meninjau sekitar majlis pelancaran tersebut yang telah berlangsung dengan meriah sekali melalui rencana **Penjenamaan semula IKM Perkasa Gerakan Koperasi Negara**.

Di balik kesediaan IKM dalam menerajui aspirasi Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) untuk sama-sama membantu koperasi menyumbangkan RM55 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara menjelang 2020, saya ingin memetik sedikit kata-kata YB. Menteri Pembangunan Usahawan ketika berucap pada majlis pelancaran Dasar Keusahawanan Nasional 2030 pada 11 Julai 2019 di Kuala Lumpur Convention Centre, "Penzahiran Malaysia sebagai "Negara Keusahawanan Unggul 2030" memerlukan kita melihat aspek keusahawanan secara menyeluruh, ini termasuklah elemen latihan dan pendidikan; melahirkan lebih ramai usahawan berteraskan inovasi; perluasan akses kepada modal dan kewangan; dan pembentukan "komuniti keusahawanan" yang lebih meluas di kalangan rakyat Malaysia".

Justeru, IKM kini giat mempelbagaikan latihan, rundingan, *mentoring*, *coaching*, penyelidikan dan penerbitan kepada gerakan koperasi di Malaysia melalui program-program yang ditawarkan termasuklah menganjurkan Konvensyen, Seminar, Bicara Ilmu dan Bicara Profesional khusus untuk para koperator dan usahawan dari seluruh Malaysia.

Bagi Segmen Fokus kali ini memaparkan rencana mengenai **Konvensyen Sektor Perladangan dan Industri Asas Tani Berimpak Tinggi Memacu Peningkatan Pendapatan** yang telah diadakan pada 17& 18 April 2019 di Bukit Gambang Resort City, Pahang buat tatapan pembaca.

Turut diselitkan dalam Majalah INFO keluaran kali ini adalah rencana tentang program **Coffee Talk - Koperasi Sejahtera: Cipta Nilai Jana Kekayaan** yang merupakan program anjuran IKM Zon Selatan. Istimewanya, program ini diilhamkan dan disampaikan oleh Ketua Pengarah IKM sendiri iaitu Tn. Hj. Ariffin Mamat.

Semoga para pembaca mendapat manfaat daripada pembacaan INFO kali ini.

Sekian.

*Normila Ismail*

# KANDUNGAN



## EKSKLUSIF

- 4 Penjenamaan Semula IKM Perkasa Gerakan Koperasi Negara

## FOKUS

- 6 Sektor Perladangan dan Industri Asas Tani Berimpak Tinggi Memacu Peningkatan Pendapatan

## PERSPEKTIF

- 8 Jom Sembang Usahawan: Memperkasa Keusahawanan Koperasi  
10 Urus Sumber Manusia secara Efektif  
12 IKM Bantu Koperasi dalam Aspek Perancangan Strategik  
13 Kursus Penubuhan dan Pengukuhkan Koperasi Kawasan Rukun Tetangga  
15 Tanah Lot Lidi: Untung atau Rentung?  
16 Kursus Pengucapan Awam yang Berkesan  
18 Kursus Panduan Mesyuarat Agung Koperasi : Memantapkan Pengurusan Mesyuarat di Koperasi  
20 Kursus Penyediaan Paket Pelancongan *Rail Tourism*

## JARINGAN

- 22 Seminar Muamalat dan Tadbir Urus Koperasi  
24 Konvensyen Keusahawanan Koperasi & Mahasiswa "Memperkasa B40 Melalui Keusahawanan Koperasi"

## BERITA ZON

### Selatan

- 26 Lawatan ke Koperasi Sri Sekawan Kulaijaya Berhad  
28 *Coffee Talk* "Koperasi Berjaya: Cipta Nilai, Jana Kekayaan"  
30 Bicara Ilmu: Memacu Perniagaan Koperasi melalui *Branding*  
32 Lawatan Penanda Aras EKSA ke Pejabat Pengarah Penjara Negeri Johor

### Sabah

- 33 Kursus Pengurusan Perniagaan Homestay  
35 Jom Sembang Usahawan "Memperkasa Keusahawanan Koperasi"

### Sarawak

- 37 Ramadan Peluang Semua Masyarakat

### Utara

- 39 Ketua Pengarah IKM Turun Padang ke Koperasi di Zon Utara  
41 *Coffee Talk* "Koperasi Sejahtera: Cipta Nilai Jana Kekayaan" (*Joint One Million Ringgit Coop*)

### Timur

- 43 Jom Sembang Usahawan "Memperkasa Keusahawanan Koperasi"

## BERITA KAKITANGAN

- 45 Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2018 & Penyampaian Hadiah Pertandingan Menulis Esei "Budaya Kerja Cemerlang"  
47 Pelancaran Buku "Bongkar Rahsia Kejayaan Koperasi dan Pengurusan Pasar Mini Koperasi"



# Penjenamaan Semula



## Perkasa Gerakan Koperasi Negara

Nuur-Fadzillah Zulkhepli  
Unit Komunikasi Korporat

Penjenamaan semula Institut Koperasi Malaysia (IKM) (dahulu dikenali sebagai Maktab Koperasi Malaysia (MKM) merupakan satu usaha Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) untuk memperkasakan gerakan koperasi di negara ini. IKM akan bertindak sebagai peneraju utama kecemerlangan koperasi yang merupakan antara penyumbang utama ke arah pengukuhkan ekonomi negara.

Majlis Pelancaran Penjenamaan IKM berlangsung di Auditorium Dato' Abdul Majid, IKM telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan. Majlis tersebut turut dihadiri oleh YBhg. Tn. Hj. Ariffin Mamat, Ketua Pengarah IKM, Anggota Lembaga Pengarah IKM serta semua warga kerja IKM.

Melalui penjenamaan semula ini, peranan IKM akan lebih strategik dalam membangunkan kapasiti gerakan koperasi sama ada koperasi individu maupun gerakan koperasi secara holistik. Usaha meningkatkan kapasiti koperasi akan berfokus kepada penambahbaikan rantai nilai, logistik, pemasaran dan penembusan produk koperasi ke peringkat nasional dan antarabangsa.

Selain itu, dalam menerajui transformasi MKM ke IKM, proses ini memerlukan kerjasama daripada semua pihak termasuk kementerian, agensi-agensi di bawah kementerian serta para koperator.

Inisiatif penjenamaan ini secara khususnya memberi penekanan kepada tiga pelan transformasi IKM yang akan dilaksanakan iaitu;

**01**

Transformasi *OUTPUT* kepada *OUTCOME* dengan memberi fokus kepada memperkasakan pendapatan koperasi.

**02**

Transformasi untuk melonjakkan sumbangan pendapatan koperasi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar dari RM42 bilion (2018) kepada RM55 bilion menjelang 2020 menerusi pelbagai program termasuk *Million Ringgit Coop League* atau Liga Koop Jutaan Ringgit (*MiRiCLE*) di bawah IKM.

**03**

Transformasi struktur, budaya kerja dan pendekatan turun padang membantu koperator.

**IKM akan bertindak sebagai peneraju utama kecemerlangan koperasi yang merupakan antara penyumbang utama ke arah pengukuhan ekonomi negara.**



Bersempena majlis pelancaran ini juga, turut diadakan sesi penyerahan sijil kepada lima orang peserta koperasi yang turut serta dalam program *MiRiCLE*. Melalui program ini, IKM akan memantau keberkesaan latihan-latihan yang disampaikan kepada pertumbuhan pendapatan koperasi yang merangkumi rundingan, latihan, *mentoring*, *coaching*, penyelidikan dan penerbitan.

Bagi jangka masa panjang pula, IKM akan mengembangkan peranan ICOOP

daripada empat kursus peringkat Diploma kepada lebih banyak kursus berkaitan dan juga meningkatkan ke peringkat Ijazah pada masa hadapan.

Diharapkan, melalui penjenamaan semula ini, Institut Koperasi Malaysia terus cemerlang dalam menyalurkan ilmu dan mendorong koperasi meningkatkan kemahiran dan kepakaran modal insan melalui program-program pembangunan kapasiti yang bersesuaian dengan trend masa kini.



YBhg. Datuk Wan Suraya turut menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Mencipta Logo Baharu IKM.

# Sektor Perladangan dan Industri Asas Tani Berimpak Tinggi Memacu Peningkatan Pendapatan

Muhamad Shafiq Mohd Noor  
Sektor Perladangan dan Industri Asas Tani



YB Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Ramli, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan memberi ucapan dan merasmikan penutupan konvensyen.



Sesi dialog antara YB Timbalan Menteri dengan peserta konvensyen.



Sesi bengkel.

Konvensyen Keusahawanan Koperasi: Sektor Perladangan dan Industri Asas Tani Berimpak Tinggi Memacu Peningkatan Pendapatan telah julung kalinya diadakan pada 17 dan 18 April 2019 di Bukit Gambang Resort City, Pahang. Seramai 255 orang peserta hadir terdiri dalam kalangan Anggota Lembaga Koperasi (ALK), pengurusan koperasi dan usahawan-usahawan seluruh Malaysia. Program ini merupakan program kerjasama antara Institut Koperasi Malaysia Zon Timur (IKMZT) bersama Sektor Perladangan dan Asas Tani IKM (SPAT).

Objektif konvensyen ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan berkaitan senario semasa perniagaan koperasi di Malaysia dan mengenal pasti fungsi dan peranan agensi yang terlibat dalam Sektor Perladangan dan Asas Tani. Selain itu, konvensyen ini juga membincangkan prospek dan potensi aktiviti perniagaan dalam Sektor Perladangan dan Asas Tani dan mewujudkan resolusi bagi memperkuatkkan aktiviti perniagaan koperasi menerusi peranan dan penglibatan anggota.

Sebanyak 12 sesi pembentangan telah diadakan dan dimulai dengan sesi perkongsian oleh SKM yang membentangkan tentang senario pencapaian koperasi semasa dalam Sektor Perladangan, Pertanian dan Industri Asas Tani. SKM turut menyarankan agar koperasi mencebur bidang-bidang pertanian dan penternakan yang mempunyai pasaran luas dan mendapat permintaan yang tinggi. Sesi pembentangan selanjutnya disambung oleh Malaysia Palm Oil Board (MPOB) yang memperlihatkan tentang peranan penting koperasi



Sambutan yang menggalakkan daripada peserta.

YB Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Ramli turut berkesempatan melawat ke booth Koperasi Usahawan Arnab Pedaging Selangor Berhad.

dalam industri sawit Malaysia. Peranan ini diperkasakan dengan penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM). MPOB juga menerangkan maklumat penting mengenai keperluan pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) yang mandatori dipatuhi oleh koperasi yang terlibat dalam perladangan sawit bagi memastikan kelestarian standard minyak sawit Malaysia. Program ini kemudiannya diteruskan dengan pembentangan daripada pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) mengenai hala tuju dan cabaran dalam industri ini. Program ini telah menarik minat golongan belia yang mahu menceburi bidang pertanian melalui Program Agropreneur Muda yang diperkenalkan MOA. Minat ini disemarakkan lagi apabila peserta konvensyen teruja dengan kejayaan usahawan tani muda iaitu En. Norhashim Kamisan, Pengarah Urusan Pewaris Bumi Hijau Sdn. Bhd. yang dijemput untuk berkongsi kaedah mengurus dan memantau ladang fertigasi cilinya menggunakan aplikasi telefon pintar dalam sesi keempat. Bagi sesi seterusnya, pihak FAMA dijemput bagi merungkai isu-isu pemasaran produk pertanian dan panduan bagi koperasi dan usahawan memulakan perniagaan pertanian. FAMA juga berkongsi dengan peserta konvensyen mengenai program-program pemasaran produk pertanian oleh FAMA di seluruh

negara termasuk di pekan-pekan kecil di setiap daerah hingga ke Sabah dan Sarawak.

Program ini bersambung pada sesi malam di mana peserta diberi pilihan untuk mendengar dan mendapatkan input berkaitan peluang perniagaan yang boleh diceburi oleh koperasi mahupun anggota koperasi. Terdapat empat sesi bengkel perniagaan yang disediakan iaitu Teknologi Tanaman Jagung Bijirin Secara Komersial, Projek Ternakan Ayam Kampong Kacuk & Produk Hiliran Burger, Projek Tanaman Durian "Musang King" dan Buat Duit dengan Perniagaan Arnab. Pada akhir sesi projek pertanian yang diketengahkan ini, IKM telah menerima 110 maklum balas yang mahukan bimbingan selanjutnya dalam bidang projek pertanian berkenaan. Pada hari kedua pula, program dimulakan dengan perkongsian mengenai strategi, cabaran dan motivasi dalam menguruskan Projek Akuakultur yang disampaikan oleh Ketua Pengarah IKM, YBhg. Tn. Hj. Ariffin Mamat. Seterusnya, program disambung dengan sesi kedua mengenai Projek Tanaman Kelapa Matag yang disampaikan oleh Jabatan Pertanian Parit Botak, Johor. Sesi pembentangan diakhiri dengan taklimat mengenai Teknologi Ternakan Ikan Tilapia secara komersial yang disampaikan oleh En. Cameron Maclean dari Regal Springs Group.

Penutupan konvensyen telah disempurnakan oleh YB Datuk Wira Dr.

Mohd Hatta Ramli, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan. Majlis turut dihadiri oleh Pn. June Suhaila Saran, Pengarah Seksyen Pematuhan dan Penilaian mewakili Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan (MED); dan En. Andi Suswandi Shamsudin, Pengurus Kanan Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC); serta En. Roshaini Harun, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif TEKUN Nasional. Jemputan-jemputan agensi MED peringkat negeri Pahang seperti Bahagian Perkhidmatan Kontraktor dan Usahawan, TEKUN Nasional, Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) turut memeriahkan majlis penutupan yang diakhiri dengan sesi dialog antara YB Timbalan Menteri dengan peserta konvensyen.

Dengan pendedahan mengenai peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi oleh koperasi khususnya dalam sektor perladangan dan industri asas tani melalui program ini, diharapkan agar dapat memberi rangsangan dan galakan kepada pemimpin koperasi bagi mempelbagaikan sumber pendapatan koperasi daripada kepelbagai perniagaan yang diceburi dan mampu memberi manfaat kepada anggota koperasi.



# Jom Sembang Usahawan “Memperkasa Keusahawanan Koperasi”

Siti Hajar Saaey  
Sektor Pemborongan dan Peruncitan



Bersempena dengan program Jelajah promosi tahun 2019, Sektor Pemborongan dan Peruncitan (SPP) telah menganjurkan dua program Jom Sembang Usahawan (JSU) bertemakan Memperkasa Keusahawanan Koperasi pada bulan Januari dan Februari yang lalu. Sasaran peserta bagi program ini terdiri dari koperasi dan usahawan yang terlibat di sekitar Daerah Bentong dan Muar. Program ini dilaksanakan menerusi kerjasama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan (MED), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) serta agensi-agensi di bawah MED.

Program Jom Sembang Usahawan ini diadakan bertujuan bagi memperkenalkan program latihan Institut Koperasi Malaysia serta memperkenalkan peranan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan sendiri. Selain itu, selaras dengan visi MED dalam menggalakkan penyertaan lebih ramai lagi usahawan terutamanya usahawan koperasi, program JSU ini turut melibatkan beberapa orang usahawan yang dijemput untuk berkongsi kisah kejayaan dalam menjadi serang usahawan serta pameran juga diadakan sepanjang program JSU berlangsung.

Program JSU anjuran SPP dimulakan dengan lokasi di Hotel Seri Malaysia Genting

iaitu pada 30 Januari 2019 yang melibatkan penyertaan seramai 102 peserta termasuk usahawan sekitar Bentong. Program ini dimulakan dengan sesi taklimat program latihan IKM yang disampaikan oleh Cik Siti Hajar Saaey, Pegawai Latihan IKM. Program sepanjang tahun diperkenalkan kepada para peserta di mana pelbagai pendekatan dirancang dalam memperkasakan keusahawanan koperasi dan ia wajar dimanfaatkan oleh koperator dan usahawan dalam mendapatkan ilmu dalam pelbagai bidang.

Seterusnya program diteruskan dengan taklimat yang disampaikan oleh Pn. Julia Muhammad, usahawan berjaya dari IB Holdings Sdn Bhd. Antara syarikat yang dikendalikan oleh Pn. Julia adalah Pusat Tuisyen IB, Butik Pakaian IB, Gimnasium IB dan lain-lain lagi. Banyak tip yang dikongsi oleh penceramah dalam menjadikan beliau sebagai usahawan yang berjaya. Selain itu, penceramah juga berkongsi peluang perniagaan seperti kepentingan mempunyai produk dengan jenama sendiri yang boleh dilaksanakan oleh usahawan masa kini. Program diteruskan dengan forum yang melibatkan agensi seperti SKM, Bank Rakyat dan ANGKASA manakala En. Jaibit Jaudin, Pengarah Sektor Pemborongan dan Peruncitan (SPP) bertindak sebagai moderator forum.



Antara peserta yang hadir di JSU Genting.



Para peserta bergambar dengan panel jemputan dari IKM, SKM, ANGKASA dan TEKUN di JSU Muar.



Barisan panel forum di JSU Genting.



Sesi penyampaian cenderamata kepada Pn. Julia Muhamad, usahawan berjaya di JSU Genting.



Antara pempamer yang terlibat dalam program JSU.

Pelbagai isu yang dibincangkan sepanjang forum berlangsung. Para peserta juga didedahkan dengan program-program tahunan yang disediakan oleh agensi di sekitar negeri Pahang yang wajar diikuti oleh koperasi dan usahawan.

Bagi Program JSU di Daerah Muar pula, program telah diadakan di Muar Traders Hotel pada 12 Februari 2019 yang melibatkan penyertaan seramai 105 orang peserta. Program ini turut dibantu oleh pengarah serta warga kerja IKM Zon Selatan dan melibatkan agensi-agensi seperti SKM, ANGKASA dan TEKUN. Program Jom Sembang Usahawan dimulakan dengan sesi taklimat program latihan IKM yang disampaikan oleh Pn. Nur Faeza Yahya, Pegawai Latihan Kanan IKM. Pn. Faeza memulakan sesi dengan memperkenalkan program-program yang dirancang sepanjang tahun 2019 terutamanya kursus anjuran SPP sendiri. Bagi sesi usahawan

**Selaras dengan visi MED dalam menggalakkan penyertaan lebih ramai lagi usahawan terutamanya usahawan koperasi, program JSU ini turut melibatkan beberapa usahawan yang dijemput untuk berkongsi kisah kejayaan dalam menjadi serang usahawan serta pameran juga diadakan sepanjang program JSU berlangsung.**

pula, dua orang usahawan yang dijemput iaitu Pn. Noorizan Ibrahim, CEO Jemari Usahawan Johor dan Pn. Ili Najat Zulkifli daripada Ladang Sunnah, True Zeal Sdn Bhd. Para penceramah menekankan kepentingan kerjasama yang wajar diterapkan dalam setiap perniagaan sama ada koperasi

malahupun usahawan. Program JSU di Muar turut melibatkan tajaan dari Infaq Lil Waqf daripada pihak ANGKASA. Para peserta digalakkan untuk menyertai program wakaf tersebut yang bertujuan bagi berkongsi serta memberikan manfaat harta kepada golongan yang memerlukan. Program diteruskan dengan forum yang melibatkan agensi seperti SKM, TEKUN dan ANGKASA. Bagi sesi forum, En. Jaibit Jaudin, Pengarah Sektor Pemborongan dan Peruncitan (SPP) bertindak sebagai moderator. Pelbagai isu yang dibincangkan sepanjang forum berlangsung dan para peserta juga turut terlibat dalam bertanyakan soalan dalam forum tersebut.

Secara keseluruhannya, program Jom Sembang Usahawan ini dilihat berjaya mencapai objektif yang diinginkan. Semoga program seperti ini dapat diteruskan dan menjadi satu platform yang berkesan dalam melahirkan koperator dan usahawan yang melibatkan diri dalam bidang keusahawanan.

# Urus Sumber Manusia secara Efektif

Hajar Azwin Hj. Mohamad Ashi  
Pusat Pengurusan Perniagaan



Peserta kursus bergambar kenangan bersama YBhg. Tn. Hj. Ariffin Mamat, Ketua Pengarah (duduk lima dari kanan).



Para peserta sedang mengikuti sesi pembelajaran di dalam kelas.



Ketua Pengarah IKM turun padang berkongsi ilmu pengurusan sumber manusia.

Kursus urus sumber manusia secara efektif mula diperkenalkan pada tahun 2018 iaitu seiring dengan kewujudan Pusat Pengurusan Perniagaan (PPP). Objektif kursus ini adalah untuk memberi kefahaman dalam merancang dan menguruskan sumber manusia serta mengenal pasti proses dalam setiap peringkat pengurusan sumber manusia. Justeru bagi tahun 2019, Pusat Pengurusan Perniagaan (PPP) telah menyediakan kursus insentif selama 2 hari bermula dari 26 Mac sehingga 27 Mac 2019 yang berlangsung di kampus utama Institut Koperasi Malaysia (IKM), Petaling Jaya.

Sebanyak 12 buah koperasi dan syarikat MIR DIY telah menyertai kursus ini yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Pegawai Eksekutif Sumber Manusia, tenaga kerja koperasi, anggota koperasi dan individu dari kawasan Kuala Lumpur, Selangor, Perak, Kedah, dan Sabah.

Para peserta perlu mengikuti kesemua modul yang telah disediakan sepanjang berada di IKM dan ini melibatkan enam sesi iaitu Pengenalan Pengurusan Sumber Manusia, Pengambilan dan Pemilihan Pekerja, Penilaian Prestasi dan Pembangunan Kerjaya Pekerja, Latihan dan Pembangunan, Akta dan Isu Perundungan Sumber Manusia dan Sistem Insurans Pekerjaan. Sesi ceramah selama dua hari ini telah disampaikan oleh Pegawai Latihan IKM serta penceramah jemputan luar seperti dari Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

**Program ini dapat mencapai matlamat penganjurannya dan bukan sekadar memberikan pendedahan, tetapi juga dapat meningkatkan pengetahuan peserta mengenai pentingnya mengetahui tanggungjawab dan peranan mereka terhadap pengurusan sumber manusia**

Kelainan yang ditonjolkan pada kursus kali ini adalah slot khas daripada Ketua Pengarah IKM, YBhg. Tn Hj. Ariffin Mamad di mana beliau telah turun padang bersama-sama berkongsi pengalaman pada sesi ke-4 iaitu "Latihan dan Pembangunan". Beliau yang sememangnya mempunyai kepakaran dalam bidang sumber manusia

dan korporat, telah bekerja di negara-negara seperti United Arab Emirates (UAE), Arab Saudi, Singapura, Timur Tengah dan Afrika Utara. Semasa sesi selama hampir dua jam, beliau telah berkongsi pengalaman dan memberi tugas kerja berkumpulan kepada peserta dengan latihan yang diberi nama "*Fly the Furthest*".

Secara keseluruhannya, program ini dapat mencapai matlamat penganjurannya dan bukan sekadar memberikan pendedahan, tetapi juga dapat meningkatkan pengetahuan peserta mengenai pentingnya mengetahui tanggungjawab dan peranan mereka terhadap pengurusan sumber manusia agar koperasi atau sesebuah organisasi dapat melahirkan warga kerja yang cemerlang dan menjadi pilihan kepada masyarakat untuk bekerja.



Para peserta sedang berbincang strategi dalam aktiviti berkumpulan *Fly the Furthest*.



Para peserta sedang melakukan aktiviti berkumpulan *Fly the Furthest*.



En. Rhymie Mohd Ramli dari Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia sedang menyampaikan ceramahnya bertajuk "Akta dan Isu Perundungan Sumber Manusia".



En. Mohamad Hanif Baharom dari PERKESO sedang menyampaikan ceramahnya, "Sistem Insurans Pekerja".

# IKM Bantu Koperasi dalam Aspek Perancangan Strategik

Nazirah Baharudin

Pusat Pembangunan Komuniti



Sesi brainstorming Koperasi Serbaguna Iman Malaysia Berhad.



Sesi brainstorming Koperasi Kastam Malaysia Berhad.

Bagi bertindak balas dengan keperluan semasa gerakan koperasi di Malaysia, Institut Koperasi Malaysia (IKM) memainkan peranan dalam mengendalikan aktiviti perundingan koperasi. Antara bidang yang ditawarkan meliputi bidang perancangan strategik, pentadbiran, pengurusan kewangan, perniagaan koperasi dan teknologi maklumat & komunikasi. Sepanjang bulan Januari hingga Februari 2019, terdapat 19 permohonan perkhidmatan perundingan telah diterima antaranya daripada Koperasi MCIS Berhad, Koperasi Pegawai - pegawai Kerajaan Negeri Perlis, Koperasi Serbaguna Batang Kali Berhad, Koperasi Sawit Sepuluh Kuantan Berhad, Koperasi Kolej iCOOP, Koperasi Perkhidmatan Pelajaran Nasional Berhad dan lain-lain.

Bidang pengurusan strategik merupakan bidang tumpuan dan kehendak koperasi pada masa kini. Justeru, sebanyak empat bengkel Perancangan Strategik telah dilaksanakan setakat Februari 2019

khusus untuk Koperasi Serbaguna Iman Malaysia Berhad dan Koperasi Kastam Malaysia Berhad. Pelaksanaan bengkel ini adalah berdasarkan kepada pengetahuan dan kepakaran yang dimiliki oleh modal insan di IKM. Setiap sesi perjumpaan akan dimulai dengan proses *brainstorming* bagi mengenal pasti punca kepada masalah yang dihadapi oleh koperasi. Sesi selanjutnya adalah menganalisis pernyata kewangan bagi mengetahui kedudukan sebenar kewangan koperasi. Kaedah SWOT, TOWS dan ERRC turut digunakan bagi menentukan strategi yang bersesuaian untuk diguna pakai oleh koperasi. Setelah selesai sesi bengkel, Pegawai Latihan IKM akan mengaturkan pertemuan pihak koperasi dengan pakar industri untuk perbincangan dan tindakan selanjutnya seperti menjalankan *mini research* untuk membantu gerakan koperasi memperoleh pendapatan yang lebih memberangsangkan dan berkeupayaan untuk berada pada kluster yang lebih baik.



Sesi perbincangan analisis kewangan Koperasi Kastam Malaysia Berhad.



Sesi perbincangan analisis kewangan Koperasi Serbaguna Iman.

# Kursus Penubuhan dan Pengukuhan Koperasi Kawasan Rukun Tetangga

**Mohamad Haniff Mohamad Hashim**  
Pusat Pembangunan Komuniti



Sesi fotografi bersama peserta KRT di Shahzan Inn, Kuantan.

**Dengan pengajuran kursus ini, diharapkan lebih banyak Kawasan Rukun Tetangga yang berminat menubuhkan koperasi sekali gus meningkatkan prestasi dan mengembangkan koperasi komuniti**

Pusat Pembangunan Komuniti (PPK) telah menjalankan program "Penubuhan dan Pengukuhan Koperasi Kawasan Rukun Tetangga (KRT)" dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Program ini telah dijalankan di beberapa negeri iaitu Perlis, Pahang, Kedah dan Terengganu. Tujuan utama kursus dijalankan ialah untuk memberi pendedahan dan meningkatkan kefahaman Ahli Rukun Tetangga berkaitan dengan manfaat berkoperasi, prinsip dan falsafah koperasi, dan hak serta tanggungjawab anggota koperasi.



Sesi fotografi bersama peserta KRT di Hotel Putra Regency, Perlis.



Sesi fotografi bersama peserta KRT di Pejabat JPNIN Terengganu.

**Penganjuran program ini juga  
diharap akan mengeratkan  
hubungan silaturahim antara  
Institut Koperasi Malaysia (IKM)  
dengan masyarakat khasnya  
dengan Kawasan Rukun Tetangga.**



Pada tahun 2019, sebanyak lima kursus bersama JPNIN telah dijalankan. Program kali ini telah berjalan lancar dengan penyertaan beberapa kawasan Rukun Tetangga. Perasmian penutup kursus ini juga telah dilakukan di beberapa tempat

oleh Pengarah JPNIN Negeri Terengganu di Hotel UiTM Dungun, Terengganu dan Timbalan Pengarah JPNIN Negeri Terengganu di Pejabat JPNIN di Terengganu. Program bersama JPNIN yang dijalankan adalah seperti berikut:

Bil.	Tempat	Tarikh
1.	Hotel Putra Regency, Perlis	16.3.2019
2.	Hotel Shahzan Inn, Pahang	24.3.2019
3.	Hotel UiTM Dungun, Terengganu	6.4.2019
4.	Hotel Seri Malaysia Alor Setar	13.4.2019
5.	Pejabat JPNIN Kuala Terengganu	4.5.2019

Program ini dijalankan kerana potensi untuk kawasan Rukun Tetangga untuk berkoperasi amat besar. Ini kerana terdapat lebih 8,000 buah Rukun Tetangga di seluruh Malaysia. Akan tetapi, hanya terdapat lebih kurang 20 koperasi sahaja yang aktif didaftarkan bawah nama Koperasi Kawasan Rukun Tetangga. Dengan penganjuran kursus ini, diharapkan lebih banyak Kawasan Rukun Tetangga yang berminat menubuhkan koperasi sekali gus meningkatkan prestasi dan mengembangkan koperasi komuniti. Penglibatan aktif Rukun Tetangga dalam menjalankan aktiviti dan program

kemasyarakatan akan menjadi asas kepada kekuatan koperasi Kawasan Rukun Tetangga.

Penganjuran program ini juga diharap akan mengeratkan hubungan silaturahim antara Institut Koperasi Malaysia (IKM) dengan masyarakat khasnya dengan Kawasan Rukun Tetangga. Program juga diharap dapat membantu meningkatkan kefahaman para peserta berkaitan struktur, amalan dan perniagaan koperasi kepada mereka. Kami berharap kerjasama ini akan dapat berterusan dari semasa ke semasa. Program yang bermanfaat ini diharap dapat diteruskan kerana potensi dan peranan yang dapat dimainkan oleh koperasi dalam kawasan Rukun Tetangga amat besar.

# Tanah Lot Lidi: Untung atau Rentung?

Nasua Nezuakifli  
Sektor Hartanah dan Industri Pembinaan



Para peserta sedang mendengar taklimat.



Sesi fotografi bersama penceramah jemputan.

**S**ektor Hartanah dan Industri Pembinaan (SHIP) IKM telah menganjurkan program Bicara Profesional yang bertajuk "Tanah Lot Lidi: Untung atau Rentung?" pada 14 Mac 2019 di Tamarind Square, Cyberjaya, Selangor. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran khususnya kepada warga koperasi mengenai risiko-risiko berkaitan pemilikan tanah lot lidi serta memberi kefahaman mengenai prosedur dan peruntukan undang-undang yang melibatkan transaksi jual beli tanah lot lidi. Program ini mendapat sambutan yang sangat baik dalam kalangan anggota koperasi dan orang awam dengan kehadiran seramai 90 orang. Topik ini sangat menarik untuk dikupas kerana masih ramai yang keliru mengenai status tanah lot lidi di samping persoalan yang sering timbul sama ada berbaloikah jika koperasi membeli tanah lot lidi atau sebaliknya serta implikasinya.

Antara perkongsian ilmu yang disampaikan oleh penceramah adalah lot lidi merupakan tanah lot yang dipecah-pecahan kepada lot-lot kecil dalam satu geran besar (Master Title). Namun, tanah tersebut belum dibuat pecah bahagi kepada geran individu yang berasingan, bahkan status tanah masih lagi pertanian. Lot lidi biasanya dijual bagi membina rumah. Ia hanya berdasarkan kepada lakaran pelan pembangunan oleh pemilik tanah tanpa kelulusan membangun oleh pihak berkuasa tempatan. Antara risiko-risiko yang bakal dihadapi oleh pembeli adalah dari sudut pemilikan tanah kerana ia bukan menjadi hak mutlak pembeli. Pembeli berkongsi hak pemilikan dengan orang lain. Oleh itu, tanah tersebut tidak boleh dijual kepada orang lain atau dipajakkan kepada institusi kewangan tanpa persetujuan semua penama dalam geran. Masalah juga akan timbul dalam tuntutan harta pusaka oleh waris.

Program separuh hari ini dijalankan secara santai sahaja di mana para peserta diberi peluang untuk berkongsi pengalaman mereka dengan penceramah manakala pada sesi berikutnya penceramah menerangkan intipati penting tajuk program. Penceramah jemputan program ini ialah YBhg. Dato' Mohammad Hifdzi Hamzah yang merupakan peguam hartanah daripada Gabungan Peguam Hartanah Rakyat (GEMPHAR). Beliau juga terlibat dalam memberi konsultasi kepada koperasi yang ingin mendapatkan khidmat nasihat berkaitan tanah lot lidi.

Secara keseluruhannya, penganjuran program seumpama ini telah mendapat maklum balas yang positif dalam kalangan warga koperator. Selari dengan hasrat Sektor Hartanah dan Industri Pembinaan (SHIP) untuk menyediakan satu platform dalam penyampaian maklumat yang terkini dan berinformatif sesuai dengan keperluan gerakan koperasi semasa khususnya koperasi yang terlibat dalam bidang hartanah dan industri pembinaan.



# Kursus Pengucapan Awam yang Berkesan

**Muhammad Afnan Hasim**  
Pusat Pengurusan Perniagaan

**Objektif kursus ini adalah untuk memberi kefahaman tentang konsep dalam pengucapan awam selain memberi pendedahan tentang kepentingan pengucapan awam.**

Pada 29 hingga 30 April 2019, Pusat Pengurusan Perniagaan (PPP), Institut Koperasi Malaysia (IKM) (dahulunya dikenali Maktab Koperasi Malaysia) telah menganjurkan "Kursus Pengucapan Awam yang Berkesan". Ia telah dikendalikan oleh En. Muhammad Afnan Hasim dan turut dibantu Pn. Hajar Azwin Mohamad Ashi, Pegawai Latihan daripada IKM. Objektif kursus ini adalah untuk memberi kefahaman tentang konsep dalam pengucapan awam selain memberi pendedahan tentang kepentingan pengucapan awam.

Kursus ini merupakan salah satu kursus yang pernah dijalankan sebelum ini dan pada tahun ini ia telah diberikan nafas baharu sesuai dengan peredaran semasa

iaitu ditambah baik dari segi pengisiannya, modul latihan dan sasaran peserta yang memberi peluang kepada anggota koperasi dan bukan anggota untuk terlibat dalam meningkatkan kemahiran diri terutama dalam pengucapan awam.

Seramai 31 orang koperator yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Pengurusan Koperasi, Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi, Jawatankuasa Kecil Koperasi, anggota koperasi, pegawai atau agensi yang menyelia koperasi dan Individu yang berminat dari sekitar Lembah Klang, Selangor, Perak, Johor Bahru, dan Negeri Sembilan.

Sesi suai kenal atau *ice breaking* telah diadakan pada hari pertama



YBhg. Tn. Hj. Yasim Mohamed sewaktu menyampaikan ceramahnya.



Setiap kumpulan diberi tugas untuk mempromosikan produk yang telah dipilih.

---

**Maklum balas yang diterima daripada peserta mengenai kursus ini adalah sangat baik dan telah membuka minda para peserta untuk menambah baik kemahiran diri.**

---

bagi memudahkan peserta mengenali antara satu sama lain. Peserta seterusnya didedahkan tentang teori dalam aspek pengucapan awam. Antaranya adalah "Pengenalan kepada Pengucapan Awam" yang merangkumi pengertian pengucapan awam, jenis-jenis pengucapan awam, dan ciri-ciri pengucapan awam.

Sesi ke-2 dan ke-3 pula lebih menumpukan tentang topik penyediaan teks ucapan yang telah disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu YBhg. Tn. Hj. Yasim Mohamed, Pengurus Koperasi Kariah Masjid As-Salam Puchong Perdana Bhd (KOSALAM). Antara inti pati kandungan topik meliputi kepentingan penyediaan teks dan peringkat penyediaan teks.

Selain sesi ceramah, para peserta juga diberi latihan berucap dengan memilih rakan sekelas dan seterusnya berucap di

hadapan rakan tersebut tentang diri sendiri dalam tempoh masa selama dua minit. Ini dilakukan bagi meningkatkan lagi keyakinan diri seseorang apabila berucap dengan menggunakan kaedah yang betul dan tepat.

Kursus ini juga turut mendedahkan peserta tentang cara mengatasi perasaan gemuruh dan gugup. Antara perkara yang didedahkan kepada peserta dalam topik ini adalah apakah yang dimaksudkan dengan gemuruh dan gugup? bagaimanakah ia boleh terjadi? dan apakah kaedah terbaik untuk mengurangkan perasaan gemuruh dan gugup terutama apabila berhadapan dengan orang ramai? Seterusnya peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk menyempurnakan tugasannya mempromosikan produk yang telah dipilih kepada rakan-rakan di dalam kelas.

Pada sesi yang terakhir, para peserta telah diberikan tugas untuk berucap di hadapan kelas. Setiap peserta perlu berucap selama tiga minit dan diikuti dengan dua minit maklum balas daripada pihak penceramah.

Kesimpulannya, kursus selama dua hari ini telah memberi impak yang positif kepada peserta. Maklum balas yang diterima daripada peserta mengenai kursus ini adalah sangat baik dan telah membuka



Peserta juga didedahkan tentang cara untuk mengatasi perasaan gemuruh dan gugup.



Para peserta bergambar kenangan.

minda para peserta untuk menambah baik kemahiran diri. Penekanan diberikan kepada peserta untuk berucap dengan baik dan betul, di samping menggalakkan peserta untuk berucap bagi mengatasi perasaan gemuruh dan gugup sewaktu berucap.



# Kursus Panduan Mesyuarat Agung Koperasi : **Memantapkan Pengurusan Mesyuarat di Koperasi**

Rohalinda Ahad  
Institut Koperasi Malaysia Zon Tengah

Keperluan mengadakan mesyuarat agung setiap tahun adalah wajib bagi setiap koperasi seperti yang ditetapkan dalam Akta Koperasi 1993. Justeru, menyedari hakikat ini, Institut Koperasi Malaysia (IKM) menyediakan platform kepada koperator untuk mendapatkan ilmu pengetahuan tatacara pengendalian mesyuarat dengan menyediakan Kursus Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung Koperasi. Kursus ini merupakan antara kursus yang tersenarai diadakan setiap tahun dalam kalendar Program Latihan IKM dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para koperator.

Objektif kursus ini disediakan untuk memberi pendedahan berkaitan teknik-teknik untuk mengurus mesyuarat agung koperasi dengan cekap dan berkesan serta untuk memberi kefahaman berkaitan prosedur dan peruntukan undang-undang berkaitan pengurusan mesyuarat agung koperasi. Selain itu, kursus ini memberi kefahaman berkaitan kepentingan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi.

Bagi tahun 2019, IKM melalui Zon Tengah telah merancang mengadakan dua kali kekerapan pengendalian kursus ini pada April dan September 2019. Pada kali

**Kursus ini bukan sekadar dapat memberikan pendedahan, tetapi juga dapat meningkatkan ilmu kefahaman dan pengetahuan para peserta tentang tanggungjawab dan peranan mereka terhadap memantapkan urusan pengurusan mesyuarat koperasi dengan lebih baik dan berkesan.**

ini, kursus yang pertama telah diadakan pada 22-24 April 2019 bertempat di kampus utama IKM, Petaling Jaya. Seramai 29 orang peserta daripada 19 koperasi telah menyertai kursus ini yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalaman, jawatankuasa koperasi, tenaga kerja koperasi dan anggota koperasi dari kawasan Kuala Lumpur, Selangor, Perak, Pahang dan juga Sarawak.

Pada hari pertama dan kedua, peserta diberikan pendedahan ilmu pengetahuan secara teori dan perkongsian pengalaman sesama peserta amalan mesyuarat agung yang dijalankan di koperasi. Melalui sesi ini juga, para peserta mengetahui perkara-

perka yang perlu diambil perhatian dalam pengendalian mesyuarat agung seperti persiapan sebelum mesyuarat, semasa mesyuarat dan tindakan selepas mesyuarat selesai. Untuk membantu peserta memahami pengisian kursus ini dengan lebih berkesan, para peserta diminta membuat simulasi mesyuarat agung pada hari ketiga berkursus. Melalui kaedah ini, ia memberi pengalaman kepada peserta terhadap suasana mesyuarat sebenar di koperasi. Pelbagai suasana menarik dan isu yang sengaja direka oleh fasilitator untuk melihat sejauh mana para peserta dapat mengatasi situasi mesyuarat sekiranya keadaan tersebut berlaku di koperasi.

Secara keseluruhannya, program ini dapat mencapai matlamat penganjurannya. Kursus ini bukan sekadar dapat memberikan pendedahan, tetapi juga dapat meningkatkan ilmu kefahaman dan pengetahuan para peserta tentang tanggungjawab dan peranan mereka terhadap memantapkan urusan pengurusan mesyuarat koperasi dengan lebih baik dan berkesan. Para koperator yang berminat dengan kursus ini boleh mengikuti satu lagi siri yang sama pada 23 – 25 September 2019 di kampus utama IKM Petaling Jaya.



Peserta sebagai Pencatat Minit.



Peserta dalam sesi simulasi mesyuarat agung.



Sebahagian suasana dalam simulasi mesyuarat agung.



Para peserta bergambar di balai pelepasan ETS, KL Sentral.



Para peserta bergambar kenangan di Masjid Al Hussain, Kuala Perlis.

# Kursus Penyediaan Pakej Pelancongan *Rail Tourism*

Juliana Hj. Md Yusop

Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri & Kesihatan

Kursus Penyediaan Pakej Pelancongan *Rail Tourism* adalah salah satu siri kursus penyediaan pakej pelancongan yang dianjurkan oleh Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan (SPPDK) bagi tahun 2019. Kursus ini telah berlangsung pada 22 hingga 25 April 2019 dan disertai oleh seramai 28 orang. Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan secara langsung kepada para peserta mengenai pelancongan menggunakan kereta api sebagai pengangkutan utama. Kursus yang berlangsung selama 4 hari 3 malam ini bukan sahaja memberi input dalam bentuk teori malahan juga pengalaman secara langsung kepada para peserta apabila mereka dibawa melawat ke tempat-tempat tarikan pelancong di dua buah negeri di utara Semenanjung Malaysia iaitu Kedah dan Perlis. Teori serta pengalaman langsung yang diperoleh membolehkan mereka memahami konsep pelancongan kereta api secara keseluruhan dan menggunakan sebagai panduan menyediakan pakej pelancongan rail bagi destinasi pilihan mereka di seluruh Malaysia. Tambahan lagi, mereka dikehendaki menganggarkan kos serta perolehan daripada pakej yang dirancang.

Program lawatan ini menggabung-jalinkan beberapa elemen pelancongan iaitu agro, *historical* dan makanan. Pelancongan agro telah membawa para peserta melawat ke ladang harumanis serta ladang anggur yang diusahakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Perlis. Selain itu, para peserta juga dibawa melawat ke Rimba Herba Perlis bagi mengenali fungsi herba-herba untuk tujuan perubatan. Manakala di Kedah pula, para peserta dibawa melawat ke ladang nipah memandangkan minuman nira nipah adalah antara minuman yang banyak dijual di negeri tersebut. Bagi pelancongan *historical* pula, para peserta mendapat pendedahan tentang kisah asal usul negeri Kedah dan Perlis serta tempat bersejarah

di kedua buah negeri tersebut antaranya Masjid Zahir, Istana Lama Sultan Kedah dan Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad. Seterusnya melalui elemen makanan pula, para peserta diperkenalkan dengan makanan tradisi negeri tersebut seperti gulai ikan termenung, kerabu mangga, laksa, bihun sup utara dan pulut ikan kering.

Lawatan sambil belajar ini bermula daripada KL Sentral dengan menaiki ETS ke Alor Setar, Kedah pada 23 April 2019. Tiga hari yang ditetapkan dalam jadual perjalanan dimanfaatkan sebaiknya bagi melawat tempat-tempat tarikan pelancong yang melancong ke negeri tersebut. Pada hari terakhir kursus iaitu 25 April 2019,

mereka telah membentangkan hasil kerja kumpulan masing-masing dalam bentuk pakej pelancongan berserta kos dan anggaran harga bagi pakej tersebut. Hasil kerja mereka dinilai oleh penyelaras kursus iaitu Pn. Juliana Yusop dan Pn. Norhayati Abdul Rahman. Sebelum meninggalkan negeri Perlis untuk pulang ke Institut Koperasi Malaysia, para peserta berpeluang melawat Koperasi Al Wahida Berhad dan kilang HPA yang terkenal di Perlis dengan penghasilan produk makan tambahan berdasarkan herba. Setelah selesai lawatan, para peserta bergerak pulang ke KL Sentral dengan menaiki ETS daripada Stesen KTM Arau, Perlis.



Para peserta bergambar di Taman Rimba Herba Perlis.



Sebahagian peserta di Ladang Nipah Kipli.



Sesi taklimat di ladang anggur oleh wakil Jabatan Pertanian Negeri Perlis.



Peserta serta mendengar taklimat di Ladang Harumanis.



# Seminar Muamalat dan Tadbir Urus Koperasi

Julizah Sabstu  
Pusat Kewangan dan Akaun

**Bagi memberi  
pendedahan dan  
kesedaran kepada  
anggota Koperasi  
Muslimin Malaysia  
Berhad (KMMB)  
terhadap kepentingan  
muamalat dalam  
kehidupan, satu  
seminar muamalat dan  
tadbir urus koperasi  
telah diadakan pada  
19 Februari 2019**

Muamalat adalah suatu perkara yang sinonim bagi masyarakat kita khususnya beragama Islam. Namun kesedaran berkaitan muamalat sendiri sangat lemah. Jelas, apabila banyak tangkapan dilakukan seperti penyalahgunaan dana, rasuah berleluasa dan riba. Apakah sebenarnya definisi dan kepentingan muamalat? Adakah ia ditutut dalam Islam?

Justeru, bagi memberi pendedahan dan kesedaran kepada anggota Koperasi Muslimin Malaysia Berhad (KMMB) terhadap kepentingan muamalat dalam kehidupan, satu "Seminar Muamalat dan Tadbir Urus Koperasi" telah diadakan pada 19 Februari 2019. Program ini adalah anjuran bersama Institut Koperasi Malaysia (IKM) dan KMMB yang bertempat di Auditorium Dato' Abd. Majid, Institut Koperasi Malaysia dan telah

dirasmikan oleh YB Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, Menteri Pembangunan Usahawan. Program ini telah dihadiri seramai 150 orang.

Program ini melibatkan tiga pembentangan kertas kerja iaitu daripada:

- 1) Ustaz Dr. Nurazmallail Marni, Timbalan Pengurus KMMB, Koperasi Muslimin Malaysia Berhad
- 2) YBhg. Tn. Hj. Ariffin Mamat Ketua Pengarah, Institut Koperasi Malaysia
- 3) Brig. Jen. Dato' Ahmad Zahudi Hj. Salleh (Bersara) Ketua Pegawai Eksekutif, Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad (KATMB)

Kertas kerja pertama memperincikan tentang tuntutan mencari rezeki yang halal, muamalat sebagai satu transaksi kewangan



Peserta mengajukan soalan kepada pembentang.



YBhg. Tr. Hj. Ariffin Mamat, Ketua Pengarah IKM menyampaikan kertas kerja bertajuk "IKM Peneraju Pendidikan Koperasi".

patuh syariah dan teras kelangsungan KMMB. Rezeki yang halal adalah sangat dituntut dalam Islam dan terdapat lima falsafah muamalat dalam Islam. Antaranya konsep tauhid, istikhlah, amanah, ukhuwah dan juga tazkiyah. Teras kelangsungan KMMB sangat mementingkan syariat Islam dalam bermuamalah di mana ia menekankan konsep ekonomi, tarbiah dan kebajikan.

Kertas kerja kedua pula memfokuskan peranan IKM sebagai tunjang institusi pendidikan koperasi dalam memacu kecemerlangan koperasi kepada RM55 bilion Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Bagi merancakkan peningkatan KDNK, koperasi seharusnya memiliki ALK seperti berikut:



Kertas kerja ketiga pula adalah pengalaman KATMB dalam tadbir urus yang baik. Koperasi mempunyai kaedah dalam tadbir urus dan bersesuaian dengan visi dan misi koperasi iaitu membantu anggota dalam kewangan. Koperasi mempunyai lima kaedah tadbir urus yang baik yang merangkumi keseluruhan daripada proses perancangan, pengurusan sehingga kawalan. Antaranya:

- 01 Penyediaan dan pengekalan objektif - Fokus pada matlamat dan objektif.
- 02 Perancangan yang teliti dan telus - Kerangka inisiatif strategi.
- 03 Pelaksanaan yang profesional dan berintegriti - Konsisten dalam pelaksanaan dasar & strategi - OPTIMUM.
- 04 Keberkesan komunikasi dan perhubungan - Pengekalan perhubungan yang baik dengan pihak berkepentingan.
- 05 Pemantauan dan pengawalan - Pemantapan kawalan dalaman.

Secara keseluruhannya, program ini sangat baik dan mencapai objektif yang disasarkan. Muamalat bukan sahaja dituntut dalam agama malah dapat membangunkan ekonomi individu dan negara. Hal ini kerana segala unsur negatif dalam perniagaan dapat dielakkan dengan mengamalkan unsur muamalat. Sebagai contoh, muamalat dapat mengelakkan unsur penipuan seperti riba dan hukum haram riba telah terdapat sendiri di dalam al-Quran.



Ucapan Perasmian telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan, YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi

YBhg. Prof. Emeritus Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim, Naib Canselor UiTM.

En. Hasbul Aqill Hasan Zaki, Ketua Pegawai Eksekutif Majalah Niaga.

En. Mohd Rohaizad Haji Md Mokhtar, Pengurus Koperasi Usahawan Arnab Pedaging Selangor Berhad.

# Konvensyen Keusahawanan Koperasi & Mahasiswa

## “Memperkasa B40 melalui Keusahawanan Koperasi”

Nor Azlina Kassim  
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi

Pada 30 April 2019, telah berlangsungnya program Konvensyen Keusahawanan Koperasi & Mahasiswa bertemakan "Memperkasa B40 melalui Keusahawanan Koperasi". Ia merupakan program anjuran bersama Institut Koperasi Malaysia (IKM) dan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara (UiTM). Konvensyen ini telah diadakan di Dewan Sri Budiman, UiTM Shah Alam dan telah dihadiri seramai hampir 400 orang peserta yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan UiTM Shah Alam. Objektif konvensyen ini adalah untuk menggalakkan mahasiswa terlibat dalam keusahawanan koperasi serta mengubah *mindset* "makan gaji" kepada bekerja sendiri. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta berkongsi pengalaman, kemahiran dan idea dengan penceramah yang dijemput.

Beberapa orang penceramah telah dijemput bagi menjayakan program satu hari ini antaranya adalah Tn. Hj. Ariffin Mamat, Ketua Pengarah IKM, En. Hasbul Aqill Hasan Zaki, Ketua Pegawai Eksekutif Majalah Niaga, En. Mohd Rohaizad Haji Md Mokhtar, Pengurus Koperasi Usahawan Arnab Pedaging Selangor Berhad dan En. Mohd Zaib Mat Yunus, Pengarah Kanan Zon IKM. Selain itu, empat orang panel jemputan juga turut menjayakan forum bertajuk "Peranan Belia dalam Memperkasa Keusahawanan". Mereka adalah YBhg. Dato' Hamzah Hussin, Pengarah Seksyen Seranta, Bahagian Pembangunan Kapasiti, Penggalakan & Pembudayaan Keusahawanan, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED), En. Ahmad Hambali Zainal Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi), TEKUN Nasional, Pn. Zuraidah Yahaya, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Promosi & Penggalakan Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan En. Muhammad Aufa Fakhruzzai, wakil Pelajar ACIS, UiTM.

Majlis perasmian Konvensyen Keusahawanan Koperasi & Mahasiswa ini



Majlis Menandatangani MoU di antara IKM dan UiTM disaksikan oleh YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi.

**Objektif konvensyen ini adalah  
untuk menggalakkan mahasiswa  
terlibat dalam keusahawanan  
koperasi serta mengubah  
*mindset* "makan gaji" kepada  
bekerja sendiri.**

disempurnakan oleh YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED). Pada majlis ini juga, YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi telah menjadi

saksi Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara IKM dan UiTM. MoU ini telah ditandatangani oleh YBhg. Tn. Hj. Ariffin Mamat, selaku Ketua Pengarah IKM dan YBhg. Prof. Emeritus Ir. Dr. Mohd. Azraai Kassim, selaku Naib Canselor, UiTM.

Secara keseluruhannya, program ini mendapat komen yang positif daripada peserta. Kebanyakannya berharap agar program seperti ini dapat diteruskan dan diadakan lebih kerap supaya mahasiswa dapat memperoleh pengetahuan dalam membantu mencari peluang kerjaya selepas mereka tamat pengajian nanti.

MoU ini bertujuan untuk:

Menyediakan peluang latihan industri dan kerjaya graduan.



Penganjuran simposium, konferensi & kursus jangka pendek berkaitan.



Pertukaran maklumat yang berkait rapat dengan pembangunan kurikulum, pengajian, pembangunan pelajar & institusi penyelidikan.



Lain-lain bentuk kerjasama yang difikirkan perlu dan dipersetujui kedua-dua pihak dari semasa ke semasa.





# Lawatan ke **Koperasi Sri Sekawan Kulaijaya Berhad**

Siti Nuraini Abu Bakar  
Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan

Pada 14 Mac 2019, seramai lima orang warga kerja Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Selatan telah mengadakan lawatan ke Koperasi Sri Sekawan Kulaijaya Berhad yang diketuai oleh Timbalan Pengarah IKM Zon Selatan, En. Hafizal Abu Bakar. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk meninjau bagaimana aktiviti perniagaan koperasi dijalankan selain dapat memperkasakan pengetahuan dan pengalaman para Pegawai Latihan IKM Zon Selatan di samping menjadikan ia sebagai program lawatan sepanjang tahun. Ia juga merupakan lawatan koperasi yang pertama bagi tahun 2019 dan merupakan antara koperasi yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) kerana mempunyai potensi dalam sektor pelancongan.

**Koperasi Sri Sekawan Kulaijaya Berhad menjalankan pelbagai jenis aktiviti seperti Kedai Runcit Harga Patut, Perniagaan Katering, Pakej Rehat dan Santai yang lengkap bersama aktiviti menarik seperti lawatan kampung, berkhemah, meredah hutan, mendaki gunung, air terjun dan berbasikal. Koperasi ini juga mengusahakan kemudahan penginapan berkonseptan kabin kepada pengunjung iaitu D' Cabin Chalet Gunung Pulai yang telah beroperasi sejak awal tahun 2016**



Buggy yang digunakan untuk melawat kawasan kampung.



Sesi fotografi warga kerja IKM Zon Selatan bersama ALK Koperasi Sri Sekawan Kulaijaya Berhad.

Koperasi Sri Sekawan Kulaijaya Berhad menjalankan pelbagai jenis aktiviti seperti Kedai Runcit Harga Patut, Perniagaan Katering, Pakej Rehat dan Santai yang lengkap bersama aktiviti menarik seperti lawatan kampung, berkhemah, meredah hutan, mendaki gunung, air terjun dan berbasikal. Koperasi ini juga mengusahakan kemudahan penginapan berkonseptan kabin kepada pengunjung iaitu D' Cabin Chalet Gunung Pulai yang telah beroperasi sejak awal tahun 2016. Menurut Pengurus Koperasi, chalet tersebut dibina selepas mendapat peruntukan menerusi Program Desa daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kampung Sri Gunung Pulai menjadi destinasi pelancongan utama di Johor kerana keistimewaan air terjun Gunung Pulai yang kaya dengan khazanah alam semula jadi. Lokasi kampung yang strategik terletak di sempadan Kulai dan Pontian ini sering menjadi pilihan

penduduk dari Johor Bahru, Kulai, Pontian dan Singapura untuk beriadah.

Lawatan ke koperasi ini disambut baik oleh Pengurus Koperasi iaitu En. Jamalludin Abdul Hamid, Pengurus Koperasi, En. Razi serta barisan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) yang lain. Program pada hari tersebut dimulai dengan sesi taklimat ringkas berkaitan program dan aktiviti koperasi oleh En. Razi. Seterusnya para Pegawai Latihan dibawa menaiki buggy untuk melihat sekeliling kawasan kampung dan kawasan penginapan D' Cabin Chalet tersebut. Setelah selesai sesi meninjau kawasan, program diteruskan dengan taklimat daripada En. Jamalludin mengenai sejarah koperasi, kekangan dalam menjalankan aktiviti dan kejayaan yang telah dicapai oleh koperasi. Dalam sesi akhir ini juga, En. Hafizal selaku Timbalan Pengarah IKM Zon Selatan turut berkongsi maklumat tentang program

latihan yang dijalankan di IKM Zon Selatan sepanjang 2019 dan kesudian IKM Zon Selatan dalam memberikan bantuan perkhidmatan seperti khidmat nasihat, bimbingan dan latihan kepada koperasi sekiranya diperlukan. Beliau juga mengucapkan penghargaan kepada koperasi kerana sudi menerima kehadiran pihak IKM Zon Selatan. Program lawatan berakhir pada jam 1 tengah hari.

Hasil daripada lawatan dan taklimat ini, pihak IKM Zon Selatan bukan sahaja berjaya merapatkan hubungan silaturahim dengan koperasi, bahkan para Pegawai Latihan IKM Zon Selatan dapat melihat sendiri operasi sesebuah koperasi, kekangan dan peluang-peluang yang wujud dalam menjalankan aktiviti koperasi dengan lebih dekat. Pengalaman ini sangat bermakna kepada para Pegawai Latihan IKM Zon Selatan dalam menyampaikan ilmu kepada koperasi.

# Coffee Talk

## “Koperasi Berjaya: Cipta Nilai, Jana Kekayaan”

Adila Hashim

Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan



**Antara inti pati dalam program ini adalah penerangan berkenaan transformasi MKM kepada IKM sejarar dengan matlamat Dasar Koperasi Negara (DKN) untuk meningkatkan perolehan negara dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)**

Program Coffee Talk bertajuk “Koperasi Berjaya: Cipta Nilai, Jana Kekayaan” telah diadakan di Hotel Impiana Senai, Johor pada 15 April 2019. Ia merupakan program anjuran IKM Zon Selatan bertujuan untuk memberi pendedahan berkenaan ilmu kepimpinan dan mengeratkan hubungan antara koperator dan Ketua Pengarah IKM, YBhg. Tn. Hj. Ariffin Mamat. Seramai 270 orang peserta telah menghadiri program ini. Peserta terdiri daripada kalangan Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD), pengurusan koperasi dan pemimpin pelapis koperasi dan juga usahawan-usahawan yang berada di Johor. Selain

itu, wakil agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), TEKUN Nasional, SME Corp. Malaysia dan UDA Holdings Berhad turut tidak ketinggalan untuk turut serta hadir ke program ini.

Antara inti pati dalam program ini adalah penerangan berkenaan transformasi MKM kepada IKM sejarar dengan matlamat Dasar Koperasi Negara (DKN) untuk meningkatkan perolehan negara dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 55 bilion menjelang 2020 seperti yang disarankan oleh Yang



Ahli panel forum dari SKM, IKM dan TEKUN Nasional.



Sesi soal jawab bersama peserta.

Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan, YB Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof. Pemantapan fungsi dan peranan IKM didedahkan melalui produk dan perkhidmatan yang berorientasikan kepada impak program (outcome) berbanding konsep kuantiti (output). Program yang diperkenalkan adalah lebih menjurus kepada konsep turun ke lapangan berbanding pembelajaran dalam bilik kuliah. Antaranya adalah khidmat nasihat, konsultasi dan latihan berdasarkan permintaan dari koperasi. Tujuan peralihan program ini adalah untuk meningkatkan pendapatan koperasi dan memberi nilai tambah kepada koperasi di samping mengukuhkan lagi produk dan

perkhidmatan yang ditawarkan oleh IKM kepada koperasi.

Program ini bermula dari jam 8.00 pagi sehingga 1.00 tengah hari terbahagi kepada dua sesi. Sesi pertama merupakan Program *Coffee Talk* bersama Ketua Pengarah yang dikendalikan oleh YBhg. Tn. Hj. Ariffin Mamat atau lebih mesra dengan panggilan "Pak Pin". Matlamat sesi ini adalah untuk berkongsi ilmu kepimpinan dan penentuan hala tuju oleh koperasi, penciptaan nilai atau inovasi serta bagaimana menjana pendapatan melalui Program *Million Ringgit Coop League* (MiRiCLe). Sepanjang sesi ini berlangsung, banyak perkongsian ilmu berkenaan pengurusan koperasi, kepimpinan dalam

koperasi sekali gus dapat memotivasi peserta.

Sesi seterusnya diselitkan dengan sesi forum bersama agensi MED yang terdiri pegawai-pegawai daripada IKM, SKM dan TEKUN Nasional. Sesi ini dikendalikan oleh En. Mohd Zaib Mat Yunus, Pengarah Kanan IKM (wakil IKM), En. Mahmud Kadar, Pengarah SKM Cawangan Negeri Johor (wakil SKM) dan En. Zuraidi Khalid, Eksekutif Pembangunan Usahawan (wakil TEKUN Nasional). Sesi soal jawab dikendalikan secara interaktif dengan menggunakan medium elektronik "slido". Sesi ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada para peserta walaupun ia merupakan medium yang baru diperkenalkan kepada mereka.

Secara keseluruhan, program ini mendapat sambutan luar jangkaan di mana sasaran awal jumlah peserta yang akan menghadiri program ini adalah seramai 150 orang. Walau bagaimanapun, seramai 270 orang peserta telah menghadiri program ini dan menyambut baik hasrat Ketua Pengarah IKM untuk melonjakkan pendapatan koperasi sejajar dengan transformasi IKM. Terdapat beberapa buah koperasi yang berminat dan memberi maklumat untuk dihubungi sebagai tindakan pihak IKM Zon Selatan selanjutnya bagi program MiRiCLe.



Warga kerja IKM Zon Selatan bergambar kenangan bersama Ketua Pengarah IKM.

BICARA ILMU

# Memacu Perniagaan Koperasi Melalui *branding*



Hafizal Abu Bakar  
Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan



**Program MiRiCLE dicipta bagi membantu koperasi untuk meningkatkan pencapaian dari aspek pengurusan dan menjana pendapatan.**



**A**pakah yang ada pada jenama? Kenapakah jenama sangat penting dalam perniagaan sehingga sesetengah syarikat di negara maju sanggup melabur sampai jutaan ringgit untuk memperkembangkan jenama produk mereka?

Jenama adalah penambah nilai pada sesuatu produk, koperasi, barang atau mahupun pada diri kita sendiri. Ia ibarat bahan perasa dalam makanan. Dengan adanya jenama, maka sesuatu produk itu akan menjadi lebih berharga atau mahal. Tidak kiralah sebesar mana atau sekecil mana pun koperasi atau produk itu, jenama akan membuatkan ia bernilai.

Menyedari hakikat kepentingan jenama, maka Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan program Bicara Ilmu dengan tajuk "Memacu Perniagaan Koperasi Melalui *branding*". Program Bicara Ilmu ini telah dijalankan pada 11 April 2019 yang lalu bertempat di Klana Resort, Seremban. Objektif Bicara Ilmu ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai kepentingan dan strategi penjenamaan produk atau perkhidmatan koperasi serta mendedahkan kepada peserta mengenai teknik penjenamaan produk atau perkhidmatan koperasi yang berkesan. Sambutan daripada para koperator amat menggalakkan dengan kehadiran 266 orang peserta sekitar Negeri Sembilan dan Melaka serta beberapa buah negeri lain.

En. Fazli Hisahak daripada Little Joe Malaysia yang merupakan pakar *branding* telah dijemput sebagai penceramah dengan membentangkan dua kertas kerja. Pengalaman luas beliau dalam membina jenama pewangi udara di pasaran merupakan ilmu yang tidak ternilai dalam aspek penjenamaan, pemasaran dan pengedaran produk secara langsung dalam pasaran terbuka. Ini



Peserta diberi penerangan tentang penjenamaan dan kepentingannya kepada koperasi.



Penyampaian cenderamata kepada penceramah.

termasuk bagaimana membina jenama, penjenamaan bersama, membina kertas cadangan memasuki *outlets*, membina *distribution channels*, dan runding cara dalam perniagaan runcit.

Bagi sesi pertama, pembentang menerangkan perkara asas berkaitan penjenamaan. Penerangan tentang jenama, apa kepentingannya jenama kepada koperasi serta isu-isu dan berkaitan jenama dalam kalangan koperasi. Manakala sesi kedua pula, pembentang lebih banyak memberi penerangan berdasarkan kes sebenar. Contoh-contoh yang baik dan kurang berkesan ditunjukkan kepada peserta supaya mereka lebih faham dan mendapat gambaran sebenar mengenai jenama. Video-video yang berkaitan juga turut dipertontonkan.

Majlis perasmian diadakan pada jam 10.30 pagi di mana Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia iaitu YBhg. Tn. Hj. Ariffin Mamat berbesar hati merasmikan program ini. Dalam ucapan perasmian, beliau memaklumkan kepada peserta bahawa Maktab Koperasi Malaysia telah bertukar kepada Institut Koperasi Malaysia. Bukan sekadar bertukar nama, tetapi turut memperkasakan peranan IKM sebagai satu-satunya pusat pendidikan dan latihan dalam gerakan koperasi di Malaysia. Ketua

Pengarah juga turut berkongsi maklumat mengenai inisiatif terkini IKM iaitu MiRiCLE ataupun Million Ringgit Coop League. MiRiCLE ini merupakan sebuah program yang dicipta bagi membantu koperasi untuk meningkatkan pencapaian dari aspek pengurusan dan menjana pendapatan. Para peserta dipelawa untuk sama-sama menyertai program ini.

Sebagai kesimpulan, penceramah mengulas tentang kelemahan dan permasalahan berkenaan aspek penjenamaan dalam gerakan koperasi. Antaranya, pengurusan koperasi tidak mempunyai ilmu tentang penjenamaan. Masyarakat pula sering berpandangan bahawa koperasi sama seperti perniagaan kecil sederhana (IKS) di samping tiada keseragaman dalam penjenamaan produk koperasi.

Sehubungan itu, diharapkan melalui program ini akan dapat membantu koperasi dalam membina dan membangunkan jenama perniagaan sendiri dan menjadi asas untuk pengembangan produk serta perkhidmatan dalam pasaran tempatan dan antarabangsa. Dengan menguasai penjenamaan ini, diharap dapat membantu merealisasikan sasaran Dasar Koperasi Negara 2011-2020. Hakikatnya, kejayaan ini disandarkan kepada koperasi dan menjadi tanggungjawab semua pihak agar jenama koperasi mendapat tempat di hati semua orang.



Ketua Pengarah IKM melawat gerai jualan koperasi di luar dewan.



Sesi fotografi bersama dengan Ketua Pengarah.



Pengarah IKM Zon Selatan, Pn. Roziah Mohamed menyampaikan cenderahati kepada Timbalan Pengarah, PPPNJ, PKK Raha Jawahir.

# Lawatan Penanda Aras EKSA ke Pejabat Pengarah Penjara Negeri Johor

Siti Nuraini Abu Bakar  
Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan

Pada 15 Januari 2019, seramai tujuh orang warga kerja Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Selatan termasuk Pengarah Zon, Pn. Roziah Mohamed dan Timbalan Pengarah Zon, En. Hafizal Abu Bakar telah mengadakan Lawatan Penanda Aras Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) ke Pejabat Pengarah Penjara Negeri Johor (PPPNJ) di Kluang. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas dan perkongsian pengalaman tentang

amalan EKSA di PPPNJ memandangkan agensi tersebut telah mendapat pensijilan EKSA Cemerlang daripada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Selain itu, lawatan ini juga merupakan salah satu aktiviti yang penting bagi IKM Zon Selatan dalam usaha mendapatkan pensijilan EKSA pada tahun 2019.

Program lawatan tersebut bermula dengan sesi taklimat mengenai latar

belakang EKSA dan perkongsian mengenai amalan EKSA di PPPNJ oleh Timbalan Pengarah, PKK Raha Jawahir. Sesi taklimat kemudiannya diakhiri dengan sesi soal jawab sebelum diteruskan dengan sesi tinjauan di sekitar pejabat PPPNJ pada pukul 1 tengah hari. Secara keseluruhannya, lawatan ini memberi banyak input terutamanya dalam usaha IKM Zon Selatan mendapatkan pensijilan EKSA pada tahun 2019.

## Ringkasan sesi taklimat dan perkongsian EKSA:

- 5s** Pelaksanaan EKSA di PPPNJ bermula dengan pengamalan 5S.
- Komitmen semua pihak adalah sangat penting dalam menjayakan amalan EKSA.
- Keadaan fizikal pejabat tidak menjadi halangan untuk amalan EKSA kerana ia bergantung kepada kerjasama, kreatif dan inovatif dari semua pihak terlibat.
- Carta perbatuan dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan EKSA perlu dilaksanakan secara berkala bagi memastikan amalan ini adalah berterusan.
- Kesemua aktiviti, keputusan dan minit berkaitan perlu difaillkan sebagai bukti semasa sesi pengauditan MAMPU dijalankan.
- Gambar sebelum dan selepas amalan EKSA perlu dipaparkan sebagai salah satu rekod penambahbaikan.
- Pengauditan dalaman EKSA dalam jabatan penting untuk menilai tahap prestasi EKSA di setiap jabatan.
- Pertandingan setiap kategori di dalam EKSA juga perlu sebagai lambang pengiktirafan terhadap usaha yang telah dilakukan.
- Kempen-kempen dalam mempromosikan EKSA harus kreatif dan berterusan dalam mendidik jabatan berkenaan kepentingan EKSA.
- Kempen kitar semula merupakan salah satu inovasi bagi mendapatkan sumber kewangan dengan penjualan barang kitar semula yang telah dikumpulkan.
- Latihan, bengkel dan lawatan perlu dilaksanakan kerana ia merupakan salah satu sesi perkongsian ilmu untuk mendapatkan gambaran lebih jelas berkenaan EKSA secara holistik.
- Pelan lantai yang disediakan tidak perlu terlalu teknikal tetapi ia mudah difahami oleh semua.



Aktiviti hiking ke Gua Kipungit Kampung Melangkap Kota Belud.



Aktiviti bersama peserta melawat SPA Ikan Jinak.

# Kursus Pengurusan Perniagaan Homestay

**Norawati Ngatmin**  
Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah

Pada 08 hingga 10 April 2019 yang lalu, Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah telah menganjurkan 'Kursus Pengurusan Perniagaan Homestay' di Melangkap Homestay Kota Belud, Sabah. Kursus yang berlangsung selama 3 hari ini disertai seramai 20 orang peserta yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), anggota koperasi dan individu perseorangan. Kursus ini dikendalikan oleh En. Jaibit Jaudin dan Pn. Norawati Ngatmin sebagai fasilitator. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta dalam menguruskan perniagaan homestay.



Koperasi Pelancongan Melangkap Homestay.



Bersama peserta dan penari tarian kebudayaan Melangkap Homestay Kota Belud.



Taklimat daripada En. Petrus Sualan, Timbalan Penyelaras Melangkap Homestay Kota Belud.



Penceramah INFRA - Pn. Felecia Dora binti Tiongin Lumbok.



Penceramah KEPKAS - Pn. Wendy Laikim Ginsalu.



Aktiviti melawat SPA Ikan Jinak Eko Pelancongan Melangkap Tiong.

Antara pengisian yang turut diselitkan dalam kursus ini adalah sesi ceramah bersama penceramah jemputan iaitu Pn. Wendy Laikim Ginsalu dari Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah (KEPKAS) dan Pn. Felecia Dora Tiongin Lumbok dari Institut Kemajuan Desa (INFRA) Cawangan Sabah. Sesi tersebut diteruskan dengan perkongsian pengalaman daripada Timbalan Penyelaras Melangkap Homestay iaitu En. Petrus Sualan merangkap Penggerusi Koperasi Pelancongan Melangkap Nabalu Refflesia Kota Belud Berhad tentang penyediaan pakej Melangkap Homestay. Lebih menarik lagi, peserta turut diberi peluang untuk merasai pengalaman sebenar menjalankan aktiviti-aktiviti di dalam pakej yang

disediakan pihak Melangkap Homestay Kota Belud. Antaranya adalah mengikuti lawatan ke SPA Ikan Jinak Eko Pelancongan Melangkap Tiong, menjalani aktiviti *hiking* ke Gua Kipungit Kampung Melangkap, menonton persembahan kebudayaan tradisi daripada penduduk Kampung Melangkap serta mengalami sendiri pengalaman bermain *flying fox* di Bayau Flying Fox Kampung Melangkap.

Melalui penganjuran program ini, maklum balas yang diterima adalah sangat positif. Justeru, diharapkan sedikit ilmu yang diperoleh mereka secara tidak langsung dapat memberi idea kepada koperasi dan sekali gus dapat membantu meningkatkan ekonomi koperasi khususnya dan komuniti amnya.

Jom Sembang Usahawan



# “Memperkasa Keusahawanan Koperasi”

Norawati Ngatmin  
Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah

Pada 26 Januari 2019, Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Sabah. (Dahulu dikenali sebagai Maktab Koperasi Malaysia) telah menganjurkan program Jom Sembang Usahawan (JSU) 2019 bertempat di Hotel Klagan Regency, 1Borneo Hypermall, Kota Kinabalu, Sabah. Program ini bertujuan untuk berkongsi maklumat tentang kejayaan dan pencapaian terbaik para usahawan daripada pelbagai bidang selain memberi pendedahan kepada koperator dan individu yang berminat untuk lebih mengenali program latihan IKM bagi tahun 2019.

Program dimulai dengan sesi pembentangan yang bertajuk “Penciptaan Nilai Tambah dan Program Latihan IKM 2019” yang disampaikan oleh Tn. Hj. Ramlan Kamsin, Timbalan Ketua Pengarah Akademik IKM. Sesi kedua



Antara peserta yang hadir ke Program JSU 2019.



Ucapan Perasmian oleh Datuk KSU.



Sesi soal jawab bersama Datuk KSU dan peserta seminar.

**Program ini bertujuan untuk berkongsi maklumat tentang kejayaan dan pencapaian terbaik para usahawan daripada pelbagai bidang selain memberi pendedahan kepada koperator dan individu yang berminat untuk lebih mengenali program latihan IKM bagi tahun 2019.**

diteruskan dengan pembentangan oleh En. Ahmad Barawi Haji Motar, seorang usahawan merangkap Pengarah Ahba Niaga Sdn. Bhd. dengan sesi ceramah bertajuk "Pemasaran & Penjenamaan: Cabaran semasa Perniagaan". Sesi ketiga merupakan slot tajaan yang disampaikan oleh En. Mohd. Safian Abdul Rahman, Penolong Pengurus Unit Kutipan & Dana Infaq Lil-Waqf ANGKASA bertajuk Infaq Lil-Waqf ANGKASA.

Selain sesi ceramah, kelainan yang ditonjolkan pada kali ini adalah dengan mewujudkan sesi forum dengan penglibatan daripada Kementerian Pembangunan Usahawan (MED), Institut Koperasi Malaysia (IKM), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. Tajuk forum tersebut adalah 'Memperkasa Keusahawanan Koperasi' yang dimoderatori oleh En. Yusri Tarip, Pegawai Latihan IKM Zon Sabah.

Kemuncak program ini adalah Majlis Pelancaran Jom Sembang Usahawan 2019 yang telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd. Radzi, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Usahawan disusuli dengan tayangan montaj JSU IKM tahun 2019. Buat julung kalinya, majlis pelancaran ini telah diadakan di Sabah dengan sambutan yang menggalakkan daripada anggota koperasi dan para usahawan dengan kehadiran 212 orang peserta.



Sesi forum.

# Ramadan Peluang Semua Masyarakat

Nur Fatin Shazwani Ahmad  
Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak

Pada 23 Mei 2019 telah berlangsung program Bicara Ilmu (BI) Ramadan anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Sarawak di Hotel Imperial, Kuching, Sarawak dengan tajuk "Ramadan Peluang Semua Masyarakat". Program ini mendapat sambutan menggalakkan dengan kehadiran seramai 225 orang peserta terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), pengurusan koperasi dan usahawan di seluruh Sarawak. Program ini bertujuan untuk memberi pemahaman bahawa Ramadan merupakan peluang setiap lapisan masyarakat dalam merancakkan perniagaan dan penekanan mengenai keunikan Ramadan dalam mewujudkan nilai – nilai positif yang diperlukan dalam perniagaan. Di samping itu, program ini juga menekankan mengenai kepentingan mengaplikasikan penghayatan Ramadan dalam perniagaan.



Sesi bergambar bersama Ketua Pengarah IKM dengan para peserta program Bicara Ilmu Ramadan.

Bicara Ilmu pada kali ini dilaksanakan dalam tiga sesi, iaitu sesi perkongsian ilmu mengenai peluang perniagaan arnab pedaging, sesi forum bersama Ketua Pengarah IKM dan pihak Tekun, dan sesi terakhir berkaitan dengan pemantapan kerohanian dalam perniagaan bersesuaian dengan bulan Ramadan. Bicara Ilmu ini juga diisi dengan penyampaian sumbangan kepada golongan Asnaf dan pameran daripada agensi di bawah MED dan koperasi di negeri Sarawak.

Penceramah jemputan terdiri daripada dua orang iaitu En. Mohd Rohaizad bin Hj Md Mokhtar, Pengurus Koperasi Arnab Pedaging Selangor Berhad dan Ustaz Azman Syah bin Alias, Juara Pencetus Ummah Musim Kedua. Secara keseluruhannya, penerangan yang diberikan oleh kedua – dua penceramah jemputan telah memberi banyak manfaat kepada para peserta khususnya tentang

**Program ini bertujuan untuk memberi pemahaman bahawa Ramadan merupakan peluang setiap lapisan masyarakat dalam merancakkan perniagaan dan penekanan mengenai keunikan Ramadan dalam mewujudkan nilai – nilai positif yang diperlukan dalam perniagaan**

kelebihan penternakan arnab pedaging sebagai satu cabang perniagaan baharu yang harus diceburi oleh koperasi. Antara intipati yang menarik adalah mengenai potensi dalam bidang penternakan arnab pedaging. Koperasi dan usahawan digalakkan untuk menceburi bidang penternakan arnab pedaging kerana potensi dan kelebihan arnab dalam menjana keuntungan telah

terbukti disebabkan oleh permintaan yang kian bertambah sedangkan penawaran arnab pedaging tidak mencukupi.

Peserta juga berkesempatan mendengar perkongsian ilmu mengenai pemantapan kerohanian dalam perniagaan yang disampaikan oleh penceramah jemputan kedua iaitu Ustaz Azman Syah bin Alias.

Bagi slot forum, panel terdiri daripada Ketua Pengarah Insitut Koperasi Malaysia, YBhg Tn. Hj. Ariffin Mamat dan juga wakil daripada Tekun Nasional Sarawak iaitu En. Roslan bin Ais, Pengurus Tekun Negeri Sarawak. Moderator bagi sesi forum ini ialah En. Mohd Zaib bin Mat Yunus, Pengarah Kanan Zon Institut Koperasi Malaysia. Forum ini secara dasarnya menyentuh tentang peranan yang dimainkan oleh IKM dan Tekun dalam membantu koperasi dan juga usahawan dalam menjalankan perniagaan.



Sesi perkongsian ilmu bersama En. Mohd Rohaizad Hj Md Mokhtar, Pengurus Koperasi Arnab Pedaging Selangor Berhad (KoAP).



Sesi perkongsian ilmu bersama Ustaz Azman Syah Alias, Juara Program Pencetus Ummah musim kedua.



Sesi forum. Dari kiri Pengarah Kanan Zon IKM (Moderator), Ketua Pengarah IKM dan Pengurus Tekun Negeri Sarawak.



Sebahagian peserta Bicara Ilmu Ramadan "Ramadan Peluang Semua Masyarakat".



Sesi penyampaian sumbangan kepada golongan asnaf.

# Ketua Pengarah IKM Turun Padang ke Koperasi di Zon Utara

**Yusnita Othman**  
Institut Koperasi Malaysia Zon Utara



Bersempena dengan kehadiran YBhg. Tn. Hj. Ariffin Mamat, Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKM) untuk program *Coffee Talk* pada 31 Mac 2019, di Alor Setar, Kedah, pihak IKM Zon Utara telah merangka lawatan kerja Ketua Pengarah ke koperasi di Zon Utara bermula 31 Mac hingga 2 April 2019. Dalam rangka lawatan tersebut, sebanyak tujuh buah koperasi telah dilawati oleh delegasi IKM.

	Nama Koperasi	Negeri	Tarikh
1	Koperasi Pekan Rabu Alor Setar Berhad	Kedah	31 Mac 2019
2	Koperasi Homestay dan Kampungstay Ujung Bukit Perlis Berhad	Perlis	1 April 2019
3	Koperasi Satu Harakah Perlis Berhad	Perlis	1 April 2019
4	Koperasi Gerakan Daya Wawasan Kampung Paya Guring Perlis Berhad	Perlis	1 April 2019
5	Koperasi Kakitangan Kumpulan Syarikat Dr. Azizan Kedah Berhad	Kedah	1 April 2019
6	Koperasi Qaryah Masjid Taman Bertam Indah Kepala Batas Berhad	Pulau Pinang	2 April 2019
7	Koperasi Azam Berhad	Perak	2 April 2019



YBhg. Tuan Haji Ariffin bin Mamat bersama ALK Koperasi Pekan Rabu Alor Setar Bhd.



Dari kiri Cik Noraesyah Saari, Pengarah IKM Zon Utara, En. Mohd Zaib Mat Yunus, Pengarah Kanan Zon dan YBhg. Tn. Hj. Ariffin Mamat sedang mempromosikan produk KOTAQWA.



Attaqwa Inn milik penuh Koperasi Qaryah Masjid Taman Bertam Indah Kepala Batas Berhad (KOTAQWA).



Delegasi lawatan mendengar taklimat yang disampaikan oleh En. Musab binti Sayuti di kilang KUSDA Holdings.



Bergambar kenangan di Koperasi Homestay dan Kampungstay Ujung Bukit Perlis Berhad.



Penyampaian cenderahati kepada Koperasi Satu Harakah Perlis Bhd. Turut bersama YBhg. En. Mohd Firdaus bin Ismail, Pengarah SKM Negeri Perlis (kiri) dan Cik Noraesyah binti Saari, Pengarah IKM Zon Utara (Kanan).



Bergambar kenangan bersama YBhg. Pn. Hjh Hamsiah bin Ismail, Penasihat Koperasi Kaktangan Kumpulan Syarikat Dr. Azizan Kedah Bhd.

Program turun padang ini adalah julung kalinya diadakan bagi melihat aktiviti koperasi dan beramah mesra dengan warga koperasi. Delegasi lawatan telah diberi taklimat oleh Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan seterusnya dibawa melawat ke lokasi aktiviti perniagaan koperasi. Penulis turut menyertai lawatan ini dan merasai pengalaman yang berharga kerana berpeluang melihat sendiri dan mendengar coretan serta kisah perjalanan sesebuah koperasi. Menerusi lawatan ini, Ketua Pengarah IKM telah memberi pandangan dan saranan kepada koperasi untuk meningkatkan kemahiran dari segi pentadbiran dan pengurusan agar matlamat penubuhannya mencapai sasaran selain perniagaan dijalankan mendapat keuntungan. Hasil lawatan kerja ini juga,

**Menerusi lawatan ini, Ketua Pengarah IKM telah memberi pandangan dan saranan kepada koperasi untuk meningkatkan kemahiran dari segi pentadbiran dan pengurusan**

Ketua Pengarah telah mempelawa koperasi untuk menyertai program MiRiCLE anjuran IKM.

Secara keseluruhannya, koperasi menyambut baik inisiatif turun padang oleh IKM. Turut menyertai program ini ialah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Negeri Perlis, SKM Wilayah Bukit Mertajam dan SKM Wilayah Taiping serta ANGKASA Negeri Pulau Pinang.

Berkonsepkan santai, program separuh hari ini telah berjaya menarik minat 157 orang peserta yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Pengurusan Koperasi dan usahawan-usahawan sekitar utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara).



## Coffee Talk

# “Koperasi Sejahtera: Cipta Nilai Jana Kekayaan” *(Joint One Million Ringgit Coop)*

**Yusnita Othman**

Institut Koperasi Malaysia Zon Utara

Kita sering berpandangan bahawa untuk menjadi sebuah koperasi yang kaya, kita perlu membuat pelaburan yang besar dalam perniagaan koperasi. Kita mengukur pulangan terhadap pelaburan tersebut dengan mencongak jumlah perolehan koperasi. Betul, pelaburan dalam perniagaan adalah sangat penting tetapi bagaimanakah pula dengan kepimpinan dan penciptaan nilai dalam koperasi? Adakah koperasi memiliki ketiga-tiga potensi ini atau perlu dicungkil untuk membuka jalan ke arah kesejahteraan?



En. Mohd Fadrul Hishaini bin Mohd Salleh dari Koperasi Usahawan Groom Big Kedah Bhd. mengajukan pertanyaan pada sesi *Coffee Talk*.



Sebahagian daripada peserta *Coffee Talk* yang hadir.



Sesi dialog bersama tiga panel iaitu YBhg. Tuan Haji Ramlan bin Kamsin (tengah), YBhg. Encik Mohd Shihabuddin bin Mohd Yazid (kanan) dan YBhg. Encik Noor Azman bin Basharon (kiri).

**Peserta turut berpeluang mengajukan pertanyaan bagi mendapatkan pandangan serta idea yang kreatif dan bersifat di luar kotak.**

Bertitik tolak itu, pada 31 Mac 2019 bertempat di Hotel Star City, Alor Setar, Kedah, Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Utara telah mengadakan *Coffee Talk* dengan tajuk "Koperasi Sejahtera: Cipta Nilai, Jana Kekayaan" (*Join The Million Ringgit Coop*). YBhg. Tn. Hj. Ariffin Mamat, Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKM) selaku penceramah utama telah membentangkan kertas kerja bertajuk "IKM Rakan Strategik dan Peneraju Latihan Koperasi". Benarlah kata orang, semakin jauh perjalanan, semakin luas pengalaman yang ditimba. Peribahasa Melayu ini dianggap tepat bagi menggambarkan karier beliau. Kepada peserta *Coffee Talk*, beliau telah berkongsi ilmu serta pengalaman agar dapat dijadikan pedoman bagi meraih kejayaan dalam pelbagai bidang yang diceburi.

Beliau membahagikan pembentangan kepada tiga segmen iaitu "Kepimpinan Menentu Hala Tuju, Ciptaan Nilai (Inovasi) dan Menjana Pendapatan melalui Program MiRiCLE" yang akan dikendalikan oleh IKM. Pada setiap segmen, beliau telah mengulas perihal kepentingan setiap elemen dan tindakan koperasi dalam merealisasikan matlamat menjadi sebuah koperasi yang berjaya dan sejahtera. Peserta turut berpeluang mengajukan pertanyaan bagi mendapatkan pandangan serta idea yang kreatif dan bersifat di luar kotak.

Berkonsepkan santai, program separuh hari ini telah berjaya menarik minat 157 orang peserta yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Pengurusan Koperasi dan usahawan-usahawan sekitar utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara). Mengakhiri program ini adalah sesi dialog yang diwakili oleh tiga panel iaitu YBhg. Tn. Hj. Ramlan Kamsin (Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) IKM, YBhg. En. Mohd Shihabuddin Mohd Yazid (Penolong Pengarah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Kedah) dan YBhg. En. Noor Azman Basharon (Timbalan Pengurus TEKUN Nasional Negeri Kedah). Menerusi sesi ini, peserta mendapat penjelasan dan informasi penting yang boleh membantu meningkatkan perniagaan koperasi dan usahawan.

## Jom Sembang Usahawan

# “Memperkasa Keusahawanan Koperasi”

Malesa Shela Ta'yib  
Institut Koperasi Malaysia Zon Timur

Program Jom Sembang Usahawan (JSU) merupakan program promosi latihan dan taklimat program latihan IKM yang akan diadakan sepanjang 2019. Program ini berkonsepkan ‘Road Show’ Jom Sembang Usahawan 2019’ dan telah menjelajah di seluruh negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Antara pengisian program ini adalah taklimat program latihan IKM, perkongsian ilmu daripada usahawan setempat, forum antara agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan, edaran maklumat, pameran dan khidmat nasihat. Perlaksanaan program ini adalah secara kerjasama di antara IKM, MED, SKM, ANGKASA dan agensi-agensi lain di bawah MED.

Bagi menyampaikan maklumat secara meluas dan berkesan, IKM telah membahagikan kawasan untuk setiap jelajah JSU dengan sasaran pesertanya. Institut Koperasi Malaysia Zon Timur (IKM ZT) turut sama terlibat dalam program JSU ini bagi menyampaikan maklumat yang tepat kepada koperator sekitar negeri Pahang. IKM Zon Timur diberi mandat untuk menjalankan program JSU di Temerloh dan Kuantan. Kedua-dua program JSU ini

berjalan pada dua tarikh yang berbeza iaitu pada 12 Februari dan 7 Mac 2019.

Program JSU yang berlangsung di Temerloh telah dihadiri seramai 216 orang koperator sekitar Temerloh, Bera, Jerantut dan Jengka. Dalam sesi sembang usahawan, IKM Zon Timur telah menjemput En. Abdul Aziz Basri iaitu Bendahari Koperasi Tunas Lada Jerantut Berhad bagi berkongsi pengalaman berkaitan potensi dan cabaran ternakan ikan patin dan tilapia sangkar. En. Abdul Aziz merupakan seorang guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak mempunyai pengalaman selama empat tahun dalam perniagaan ternakan ikan patin dan tilapia sangkar. Dalam sesi tersebut, beliau sempat berkongsi tentang peluang yang boleh direbut oleh koperasi kerana permintaan yang tinggi terhadap ikan patin dan tilapia sangkar.

Koperasi Tunas Lada Jerantut turut membuka peluang kepada koperasi sekitar untuk menjalinkan kerjasama dalam penternakan ikan sangkar sama ada dalam bentuk modal atau usaha sama. Pihak koperasi bersedia membantu koperasi lain dari sudut perkongsian ilmu mahu pun



Program JSU di Temerloh.



Barisan panel forum bersama wakil dari agensi di bawah MED.



Peserta yang memenuhi dewan Atabara IM14.



Barisan panel forum bersama agensi di bawah MED.



Pelbagai produk dapat dihasilkan daripada cendawan.

tunjuk ajar bagi koperasi yang berminat untuk menceburkan diri dalam penternakan ikan sangkar ini. Biarpun, penternakan ikan sangkar berdepan dengan cabaran terutama dari sudut makanan dan benih ikan, namun beliau menasihatkan koperasi menganggap cabaran tersebut sebagai cabaran yang boleh memberi motivasi untuk lebih berjaya pada masa akan hadapan. Perkara yang paling penting untuk ditekankan adalah koperasi perlu bersedia dengan cabaran yang akan datang iaitu kerjasama antara Anggota Lembaga Koperasi serta jalinan kerjasama yang baik dengan pihak perikanan daerah masing-masing.

Manakala di Kuantan, program JSU berlangsung dengan kehadiran seramai 160 orang koperator sekitar Kuantan, Gambang, Pekan, Muadzam dan Rompin. Peserta JSU telah dihidangkan dengan perkongsian pengalaman dengan tajuk "Prospek & Potensi Tanaman Cendawan untuk Memupuk Semangat Keusahawanan dalam Koperasi dalam sesi sembang usahawan. Penceramah En. Ahmad Mokhtar Daud merupakan Pengurus Koperasi Bersatu Cendawan Pahang Berhad yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang tanaman cendawan dan menjadi tenaga pengajar serta mempunyai ladang cendawan dan fasiliti pusat latihan cendawan terbesar di negeri Pahang. Koperator yang hadir diberi pendedahan bagaimana untuk memulakan projek tanaman cendawan bermula daripada proses membuat bongkah cendawan menggunakan habuk kayu, dedak gandum dan kapur pertanian secara teori. Sebiji bongkah yang dihasilkan boleh mengeluarkan hasil sebanyak enam hingga lapan kali. En. Ahmad Mokhtar turut berkongsi pengiraan atau jumlah kos yang diperlukan untuk memulakan projek tanaman cendawan berserta dengan jumlah pulangan yang akan diterima.

Projek tanaman cendawan ini mempunyai prospek yang luas kerana

buat masa sekarang permintaan sentiasa melebihi pengeluaran. Dari segi cabaran dan masalah yang akan dihadapi oleh pengusaha projek tanaman cendawan ini adalah serangan hama dan kulat yang akan merosakkan bongkah. Namun begitu, jika kita tahu cara betul untuk membancuh dan menguruskan bongkah, masalah begini boleh dikurangkan. Projek tanaman cendawan ini merupakan antara projek yang mudah dan melibatkan kos yang rendah jika kita pandai menggunakan sumber yang ada. Selain sedap untuk dimakan sebagai sayur dan digoreng menjadi cendawan goreng, banyak produk lain yang boleh dihasilkan daripada cendawan sebagai contoh sambal hitam cendawan, patty cendawan untuk burger, pekasam cendawan, sabun cendawan dan acar buah cendawan.

Secara keseluruhannya, dua program JSU yang berlangsung ini bukan sahaja dapat memberi maklumat berkaitan program latihan IKM, malah peserta dapat berkongsi pengalaman dengan koperator dan usahawan lain. Selain dapat berjumpa dengan koperator-koperator dari koperasi lain dan bertukar pandangan serta pendapat, koperasi juga mendapat maklumat mengenai agensi-agensi kerajaan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan melalui sesi forum yang diadakan.

# Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2018 &

## Penyampaian Hadiah Pertandingan Menulis Esei “Budaya Kerja Cemerlang”

**Nor Azila Md Tauhid**  
Unit Pengurusan Sumber Manusia



Pada 8 Februari 2019, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2018 & Penyampaian Hadiah Pertandingan Menulis Esei “Budaya Kerja Cemerlang” telah diadakan di Auditorium Dato’ Abdul Majid, Institut Koperasi Malaysia. Majlis yang berprestij ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd. Radzi, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED). Turut hadir YBhg. Datuk Nordin bin Salleh, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia merangkap Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah IKM, YBhg. Encik Muhammad Razman bin Abu Samah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MED, Lembaga Pengarah IKM, Ketua Agensi, Pegawai-pegawai Kanan dari Kementerian dan Agensi, dan warga kerja IKM.



Majlis APC ini diadakan bertujuan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga IKM yang telah menunjukkan prestasi kerja dan perkhidmatan yang cemerlang sepanjang tahun 2018. Seramai 19 orang penerima

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan lapan (8) orang penerima Anugerah Ketua Pengarah (AKP) diraikan dalam majlis ini. Berikut merupakan senarai penerima anugerah tersebut:

### Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

1. **Encik Azman bin Mohd Ghazali**  
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)
2. **Encik Shamsul Khairi bin Abu Hassan**  
Pegawai Latihan Gred E44
3. **Puan Rosidah binti Rashid**  
Pegawai Latihan Gred E44
4. **Encik Yusri bin Tarip**  
Pegawai Latihan Gred E44
5. **Encik Muhammad Yusuf bin Ibrahim**  
Pegawai Latihan Gred E44
6. **Puan Ayu Diana binti Awang**  
Pegawai Latihan Gred E44
7. **Puan Nor Alyani binti Abdul Razak**  
Pegawai Latihan Gred E41
8. **Encik Mohd Hamzah bin Kasim**  
Pegawai Latihan Gred E41
9. **Cik Maryam Hamidah binti Mohd Ghazi**  
Pegawai Latihan Gred E41
10. **Puan Nuur-Fadzillah binti Zulkapli**  
Penolong Pegawai Penerangan Gred S29 (CoS)
11. **Encik Halim bin Kandar**  
Pembantu Kemahiran Gred H26
12. **Puan Artini binti Sabdali**  
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22
13. **Encik Zakaria bin Hassan**  
Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N19
14. **Encik Zainie bin Baharom @ Yasin**  
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19
15. **Encik Azizul bin Aziz**  
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19
16. **Cik Noor Ashikin binti Jamaludin**  
Pembantu Pustakawan Gred S19
17. **Puan Nurul Izza binti Zamuri**  
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19
18. **Encik Azhar bin Azahari**  
Pembantu Operasi Gred N11
19. **Encik Mohd Khairulazhar bin Ali**  
Pembantu Operasi Gred N11

Penerima APC dianugerahi dengan Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan juga Sijil Simpanan Premium berjumlah RM1000, manakala penerima APK dianugerahi dengan Sijil Anugerah Ketua Pengarah dan juga wang tunai berjumlah RM400. Pihak Pengurusan IKM mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas perkhidmatan cemerlang yang telah ditunjukkan. Semoga penganugerahan ini dapat memberi inspirasi kepada warga IKM yang lain.

Dalam majlis ini juga telah diadakan **Penyampaian Hadiah Pertandingan Menulis Esei "Budaya Kerja Cemerlang"**. Pertandingan ini diadakan bertujuan mendapatkan idea dan aspirasi mengenai "Budaya Kerja Cemerlang" daripada warga kerja IKM sendiri. Sebanyak 19 penyertaan telah diterima dan pemenang Pertandingan Menulis Esei "Budaya Kerja Cemerlang" seperti berikut:

**Pihak Pengurusan IKM mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas perkhidmatan cemerlang yang telah ditunjukkan.**

### Anugerah Ketua Pengarah (AKP)

1. **Tn. Hj. Ramlan bin Kamsin**  
Timbalan Ketua Pengarah (Akademik)
2. **Puan Siti Maimunah binti Jerni**  
Pengarah Zon Sarawak
3. **Puan Hamidah binti Mohd Jos**  
Pengarah Pentadbiran
4. **Puan Norbiha binti Kosmuri @ Kasmuri**  
Pengarah Zon Tengah
5. **Dr. Zurita binti Mohd Saleh**  
Pengarah Pusat Penyelidikan & Konsultasi
6. **Encik Mohammad Pisah bin Ali**  
Pegawai Latihan Gred E44
7. **Puan Noor Shafeeza binti Zainuddin**  
Pegawai Latihan Gred E44
8. **Puan Julizah binti Sabstu**  
Pegawai Latihan Gred E41 (CoS)

#### Tempat Pertama:

Pn. Norul Hayatie binti Hashim

#### Tempat Kedua:

Pn. Najmah binti Nawawi

#### Tempat Ketiga:

En. Mohamad Haniff bin Mohamad Hashim

#### Sagu hati:

1. Cik Zaharatul Laili binti Zakaria
2. Zon Tengah
3. Pn. Julizah binti Sabstu
4. Pn. Azmaliza binti Arifin
5. Pn. Noor Azrin binti Kasim

# Pelancaran Buku **Bongkar Rahsia Kejayaan Koperasi dan Pengurusan Pasar Mini Koperasi**

Zaharatul Laili Zakaria  
Unit Komunikasi Korporat



Sekitar majlis pelancaran buku terbitan IKM.

Bersempena dengan Majlis Pelancaran Penjenamaan Institut Koperasi Malaysia (IKM) pada 16 Mei 2019, satu pelancaran buku telah diadakan di Auditorium Dato' Abd. Majid, IKM sejurus selesai perasmian logo baharu IKM. Sebanyak dua buah buku terbitan IKM yang bertajuk "**Bongkar Rahsia Kejayaan Koperasi**" dan "**Pengurusan Pasar Mini Koperasi**" telah dilancarkan oleh YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan yang juga

mewakili YB Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, Menteri Pembangunan Usahawan. Turut hadir ialah YBhg. Tn. Hj. Ariffin Mamat, Ketua Pengarah IKM, Anggota Lembaga Pengarah IKM dan dimeriahkan dengan kehadiran 350 orang tetamu jemputan.

Antara inti pati menarik yang diselitkan dalam buku "**Bongkar Rahsia Kejayaan Koperasi**" adalah faktor-faktor kejayaan dan cabaran yang dihadapi oleh 19 koperasi terbaik di Malaysia dalam menelusuri jatus bangun mereka sehingga berjaya

tersenari. Bukan itu sahaja, pembaca juga turut disajikan dengan resipi kejayaan dan cabaran yang ditempuhi koperasi dalam menjadikan mereka berjaya ke tahap yang boleh dibanggakan. Justeru, melalui pembacaan buku ini, banyak input yang dapat diperoleh terutamanya kepada koperasi-koperasi yang baharu ditubuhkan.

Buku "**Pengurusan Pasar Mini Koperasi**" pula berkisarkan tentang kaedah pengurusan pasar mini secara keseluruhannya dari segi pengurusan, kewangan, imej dan pelbagai lagi informasi yang sangat berguna dan boleh diaplikasikan dalam sesebuah pasar mini. Setiap aspek yang diketengahkan disentuh secara terperinci. Ia amat sesuai untuk mereka yang ingin mendalami pengetahuan tentang pasar mini secara menyeluruh.

Kedua-dua buku ini merupakan hasil penulisan pegawai IKM yang sangat sesuai untuk dijadikan sebagai bahan rujukan dalam memberi pendedahan dan pengetahuan kepada gerakan koperasi di Malaysia khususnya dan masyarakat amnya. Para koperator yang berminat boleh mendapatkannya di Pasar Mini Koperasi IKM atau berhubung dengan Unit Komunikasi Korporat IKM.

Dapatkan  
Segera


## Buku Terbitan Baharu IKM



Semenanjung RM21.50  
Sabah/Sarawak RM22.50

### PENGURUSAN PASAR MINI KOPERASI

Buku Pengurusan Pasar Mini Koperasi adalah terbitan Institut Koperasi Malaysia yang ditulis khas untuk semua koperasi, usahawan, pelajar dan pembaca yang ingin mendalami pengetahuan tentang pasar mini secara menyeluruh. Perbincangan dalam buku ini dimulakan dari aspek konsep membangunkan imej pasar mini yang menarik sehingga pengurusan rantaian bekalan peruncitan untuk memastikan pasar mini tidak terputus bekalan barang. Ia merupakan satu perbincangan yang mudah dan padat dengan konsep yang perlu dititikberatkan bagi membangunkan pasar mini yang unik. Buku ini sesuai digunakan sebagai teks asas dalam kursus Pasar Mini Koperasi, sebagai rujukan dalam pembelajaran berkaitan dengan pasar mini atau kedai runcit dan sebagai satu sumber bacaan umum kepada semua usahawan.



Semenanjung RM15.90  
Sabah/Sarawak RM18.90

### BONGKAR RAHSIA KEJAYAAN KOPERASI

Buku Bongkar Rahsia Kejayaan Koperasi ini adalah hasil kompilasi penulisan pegawai Institut Koperasi Malaysia (IKM) yang sesuai untuk dijadikan sebagai bahan bacaan ringan yang boleh dijadikan sumber inspirasi kepada semua golongan masyarakat terutamanya kepada koperasi yang baharu ditubuhkan. Buku ini berkisarkan perjalanan 19 koperasi terpilih dalam kalangan 100 koperasi terbaik di Malaysia dalam menelusuri jati bangun sesebuah koperasi sehingga berjaya tersenarai. Faktor kejayaan dan cabaran koperasi tersebut dihidangkan dan dikongsi untuk tatapan pembaca sebagai panduan.

#### 19 Koperasi Terpilih:

1. Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad
2. Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad
3. Koperasi Peserta-peserta FELCRA Malaysia Berhad
4. Koperasi NLFCS Berhad
5. Koperasi Kakitangan Petronas Berhad
6. Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad
7. Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad
8. Koperasi Tenaga Nasional Berhad
9. Koperasi Serbaguna Iman Malaysia Berhad
10. Koperasi UNIKEB Berhad
11. Koperasi KOPERKASA Sarawak Berhad
12. Koperasi Serbaguna Kakitangan MAS Malaysia Berhad
13. Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad
14. Koperasi Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad
15. Koperasi Serbaguna Anak-anak Selangor Berhad
16. Koperasi Guru-guru Melayu Kedah Berhad
17. Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad
18. Koperasi Orang Melayu Kerajaan (SKOMK) Perak Berhad
19. Koperasi Kakitangan Universiti Teknologi Mara Berhad

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Koperasi Kakitangan Maktab Koperasi Malaysia Berhad  
103, Jalan Templer, 46700 Petaling Jaya, Selangor. Tel : 03-7954 1481

Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 03-7964 9155